

STPM/S944

**PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)**

**EKONOMI
Sukatan Pelajaran
dan Soalan Contoh**

Tajuk-tajuk dalam sukatan pelajaran ini sama dengan tajuk-tajuk dalam sukatan pelajaran untuk peperiksaan tahun 2002. Walau bagaimanapun, huraian untuk beberapa tajuk telah diperincikan dengan tujuan untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Sukatan pelajaran ini bolehlah digunakan untuk peperiksaan tahun 2003 dan tahun-tahun seterusnya sehingga diberitahu.



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

Sukatan Pelajaran 944 Ekonomi

	<i>Halaman</i>
Matlamat Umum	2
Matlamat Khusus	2
Kandungan	2
Huraian Sukatan Pelajaran	3
Bentuk Peperiksaan	41
Senarai Rujukan	43
Lampiran 1: Analisis AD-AS	45
Lampiran 2: Globalisasi	49
Lampiran 3: Pertumbuhan Ekonomi	52
Soalan Contoh:	
Kertas 1 (<i>Mikroekonomi</i>)	58
Kertas 2 (<i>Makroekonomi</i>)	74

SUKATAN PELAJARAN 944 EKONOMI

Matlamat Umum

Sukatan pelajaran ini bertujuan untuk membolehkan pelajar mengetahui, memahami, dan menguasai asas ilmu ekonomi pada tahap prauniversiti. Di samping itu, sukatan pelajaran ini juga bertujuan untuk membolehkan pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang ini ke peringkat yang lebih tinggi.

Matlamat Khusus

Sukatan pelajaran ini bertujuan untuk:

- (a) menyediakan pelajar dengan kefahaman ke atas konsep ekonomi;
- (b) menyediakan kemahiran menggunakan analisis empirik mudah dalam menerangkan isu ekonomi;
- (c) menggalakkan pelajar berhujah secara lisan dan tulisan dengan menggunakan statistik dan gambar rajah apabila perlu;
- (d) mendorong pelajar untuk mencari sumber maklumat tentang perkembangan ekonomi semasa, dan
- (e) menyediakan kemahiran asas mentakrifkan data ekonomi.

Kandungan

Sukatan pelajaran Ekonomi terdiri daripada tiga bahagian seperti yang berikut:

- (a) Pengenalan
- (b) Mikroekonomi
- (c) Makroekonomi (termasuk Ekonomi Malaysia)

Nota: Bilangan waktu yang dinyatakan pada huraian kandungan sukatan pelajaran adalah anggaran sahaja. Setiap waktu bersamaan dengan 40 minit.

(A) BAHAGIAN PENGENALAN (28 Waktu)

Sinopsis

Bahagian pengenalan ini membincangkan lima perkara, iaitu masalah asas ekonomi, keluk kemungkinan pengeluaran, sistem ekonomi, analisis ekonomi, dan alat analisis dalam ilmu ekonomi.

Huraian pertama dalam bahagian ini menerangkan masalah asas ekonomi. Manusia menghadapi masalah kekurangan bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad. Ini menimbulkan tiga masalah asas ekonomi, iaitu “apa dan berapa”, “bagaimana”, dan “untuk siapa”. Menerangkan masalah tersebut dan bagaimana sesuatu masyarakat mengatasi ketiga-tiga masalah itu merupakan bidang penting dalam ilmu ekonomi.

Untuk menerangkan dengan lebih jelas masalah kekurangan dan keperluan untuk membuat pilihan “apa dan berapa”, konsep kemungkinan pengeluaran, dan keluk kemungkinan pengeluaran diperkenalkan.

Terdapat tiga sistem ekonomi, iaitu ekonomi pasaran bebas, ekonomi perancangan pusat, dan ekonomi campuran. Setiap negara mengamalkan salah satu daripada sistem tersebut pada satu-satu masa untuk mengatasi masalah asas ekonomi. Secara ringkas akan ditunjukkan bagaimana setiap sistem ekonomi ini mengatasi ketiga-tiga masalah asas ekonomi. Untuk melengkapi huraian tentang sistem ekonomi, aliran pusingan pendapatan yang menggambarkan aliran pendapatan yang berlaku dalam sesuatu ekonomi akan diterangkan, iaitu aliran pusingan pendapatan bagi ekonomi dua sektor dan tiga sektor.

Bahagian ini juga menerangkan liputan analisis ekonomi yang akan dipelajari dan alat analisis dalam ilmu ekonomi.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) mengenal pasti punca masalah asas ekonomi, iaitu kehendak manusia yang tidak terhad dan sumber yang terhad;
- (b) menghuraikan konsep kekurangan, pilihan, dan kos lepas;
- (c) menjelaskan masalah asas ekonomi;
- (d) menerangkan keluk kemungkinan pengeluaran;
- (e) membezakan pelbagai jenis sistem ekonomi, dan
- (f) menggunakan pelbagai kaedah analisis dalam ilmu ekonomi.

Subtajuk	Huraian
1 Definisi ilmu ekonomi	Mendefinisikan ilmu ekonomi dan mengaitkannya dengan sumber ekonomi yang terhad dengan kehendak yang tak terhad
2 Sumber ekonomi (faktor pengeluaran)	Menghuraikan konsep sumber ekonomi – tanah dan sumber asli, buruh, modal, dan usahawan (teknologi bukan merupakan sumber ekonomi)

Subtajuk		Huraian
3	Kehendak manusia	<p>Menerangkan kehendak manusia yang terdiri daripada kehendak terhadap barang dan perkhidmatan</p> <p>Mengelaskan barang dan perkhidmatan serta memberikan contoh barang yang berikut.</p> <p>(a) Barang percuma, barang ekonomi, dan barang awam</p> <p>(b) Barang pengeluar atau barang modal, barang perantaraan, barang pengguna atau barang akhir</p>
4	Masalah asas ekonomi	<p>(a) Menerangkan konsep kekurangan, pilihan, dan kos lepas</p> <p>(b) Menghuraikan masalah apa dan berapa, bagaimana, dan untuk siapa</p>
5	Keluk kemungkinan pengeluaran	<p>(a) Menjelaskan konsep keluk kemungkinan pengeluaran secara jadual dan gambar rajah (Nota: Hanya kos lepas yang malar dan kos lepas yang meningkat sahaja diterangkan)</p> <p>(b) Mengaitkan keluk kemungkinan pengeluaran dengan masalah kekurangan, pilihan, kos lepas, dan kecekapan ekonomi</p> <p>(c) Menjelaskan kesan perubahan kuantiti sumber dan teknologi terhadap keluk kemungkinan pengeluaran dan mengaitkannya dengan masalah pertumbuhan ekonomi</p>
6	Sistem ekonomi	
	6.1 Ekonomi pasaran bebas, ekonomi perancangan pusat, ekonomi campuran	Membincangkan definisi, ciri, kebaikan, dan kelemahan setiap sistem ekonomi
	6.2 Bagaimana sistem ekonomi menyelesaikan masalah asas ekonomi	Membandingkan cara penyelesaian masalah asas oleh ketiga-tiga sistem ekonomi
	6.3 Ekonomi Islam	Membincangkan ciri ekonomi Islam
7	Aliran pusingan pendapatan	<p>(a) Menjelaskan pelaku ekonomi, iaitu isi rumah, firma dan kerajaan, dan peranannya dalam menjalankan kegiatan ekonomi</p> <p>(b) Menghuraikan aliran fizikal dan aliran wang antara pelaku ekonomi dalam sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi campuran</p>

Subtajuk	Huraian
8 Analisis ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menerangkan tajuk dalam analisis mikroekonomi yang akan dipelajari (b) Menerangkan tajuk dalam analisis makroekonomi yang akan dipelajari (c) Menerangkan aspek ekonomi Malaysia yang akan dipelajari
9 Pengkaedahan analisis dalam ilmu ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> (a) Melengkapkan dan menganalisis jadual (b) Melukis dan menghuraikan gambar rajah (c) Menggunakan persamaan matematik untuk menyelesaikan masalah ekonomi

(B) BAHAGIAN MIKROEKONOMI (166 Waktu)

1 Permintaan dan Penawaran (26 Waktu)

Sinopsis

Apa dan berapa barang dan perkhidmatan yang perlu dikeluarkan merupakan masalah asas ekonomi yang pertama. Analisis tentang keadaan di pasaran barang dan perkhidmatan – yang dikenali sebagai teori permintaan dan penawaran – meliputi huraian tentang perkara tersebut. Analisis ini menerangkan interaksi antara pembeli dengan penjual di pasaran barang dan perkhidmatan.

Teori permintaan menerangkan perlakuan pengguna di pasaran semasa membeli barang dan perkhidmatan. Teori ini menerangkan peranan harga dalam mempengaruhi kuantiti yang diminta dan faktor lain yang menentukan permintaan. Teori penawaran menerangkan peranan harga dalam mempengaruhi jumlah barang yang ditawarkan, dan faktor-faktor yang menentukan penawaran. Interaksi antara pengguna dengan pengeluar di pasaran barang dan perkhidmatan akan menjawab masalah asas ekonomi yang pertama.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menjelaskan konsep permintaan dan penentunya;
- (b) menjelaskan konsep penawaran dan penentunya, dan
- (c) menentukan keseimbangan pasaran dan faktor yang menyebabkan perubahan keseimbangan.

Subtajuk	Huraian
1.1 Permintaan	
1.1.1 Hukum permintaan	(a) Mendefinisikan permintaan dan menerangkan hukum permintaan
	(b) Menyatakan hukum permintaan dengan menggunakan persamaan
(a) Persamaan permintaan	Menggunakan rumus untuk menerangkan permintaan
(b) Jadual permintaan	Menerangkan hubungan antara harga dengan kuantiti diminta melalui jadual
(c) Keluk permintaan	(a) Membina keluk permintaan individu berdasarkan jadual
	(b) Menerangkan faktor yang menyebabkan keluk permintaan bercerun negatif: Kesan pengganti, kesan pendapatan benar, dan utiliti sut berkurangan
(d) Permintaan individu dan permintaan pasaran	(a) Membezakan antara permintaan individu dengan permintaan pasaran

Subtajuk	Huraian
<p>1.1.2 Faktor yang mempengaruhi permintaan</p> <p>1.1.3 Perubahan kuantiti diminta dan perubahan permintaan</p>	<p>(b) Membina keluk permintaan pasaran daripada permintaan individu dengan menggunakan jadual dan gambar rajah</p> <p>Menghuraikan faktor yang mempengaruhi permintaan individu dan pasaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Harga barang itu sendiri (ii) Harga barang lain (iii) Pendapatan (iv) Cita rasa (v) Penduduk <p>Catatan: Pelajar perlu membezakan antara penentu-penentu permintaan individu dengan permintaan pasaran</p>
<p>1.2 Penawaran</p>	<p>Membezakan perubahan kuantiti diminta dengan perubahan permintaan</p>
<p>1.2.1 Hukum penawaran</p> <p>(a) Persamaan penawaran</p> <p>(b) Jadual penawaran</p> <p>(c) Keluk penawaran</p> <p>(d) Penawaran firma dan penawaran pasaran</p>	<p>Mendefinisikan penawaran dan menerangkan hukum penawaran</p> <p>Menggunakan rumus untuk menerangkan penawaran</p> <p>Menerangkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan melalui jadual</p> <p>Membina keluk penawaran firma berdasarkan jadual</p> <p>(a) Membezakan antara penawaran firma dengan penawaran pasaran</p> <p>(b) Membina keluk penawaran pasaran daripada penawaran firma dengan menggunakan jadual dan gambar rajah</p>
<p>1.2.2 Faktor yang mempengaruhi penawaran</p>	<p>Menghuraikan faktor yang mempengaruhi penawaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Harga barang itu sendiri (ii) Harga barang lain (iii) Kos input (iv) Matlamat pengeluaran (v) Tingkat teknologi (vi) Dasar kerajaan (vii) Jangka harga masa hadapan (viii) Bilangan pengeluaran

Subtajak	Huraian
1.2.3 Perubahan kuantiti ditawarkan dan perubahan penawaran	Membezakan perubahan kuantiti ditawarkan dengan perubahan penawaran
1.3 Keseimbangan pasaran	(a) Menerangkan interaksi antara permintaan dan penawaran pasaran untuk menentukan tingkat harga dan kuantiti keseimbangan
1.3.1 Penentuan keseimbangan	(b) Menjelaskan konsep lebih atau kurangan permintaan dan penawaran
1.3.2 Perubahan keseimbangan	Menerangkan keseimbangan pasaran yang disebabkan oleh:
	(i) Perubahan permintaan sahaja
	(ii) Perubahan penawaran sahaja
	(iii) Perubahan permintaan dan penawaran secara serentak
1.3.3 Persamaan permintaan dan persamaan penawaran untuk menentukan keseimbangan	Membentuk keseimbangan pasaran dengan menggunakan rumus

2 Keanjalan Permintaan dan Keanjalan Penawaran (18 Waktu)

Sinopsis

Perubahan harga akan menimbulkan perubahan kuantiti yang diminta atau ditawarkan. Saiz perubahan kuantiti tersebut berbeza dari satu barang ke satu barang yang lain. Untuk mengukur sejauh mana saiz perubahan tersebut, konsep keanjalan permintaan, dan konsep keanjalan penawaran diperkenalkan. Konsep keanjalan permintaan meliputi kesan perubahan harga barang itu sendiri, kesan perubahan harga barang lain, dan kesan perubahan pendapatan. Manakala konsep keanjalan penawaran meliputi kesan perubahan harga terhadap kuantiti yang ditawarkan.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menerangkan konsep keanjalan permintaan harga, keanjalan permintaan silang, keanjalan permintaan pendapatan, dan keanjalan penawaran;
- (b) menggunakan rumus untuk menghitung nilai keanjalan;
- (c) membezakan darjah keanjalan permintaan dan penawaran;
- (d) menghuraikan faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan dan penawaran, dan
- (e) menerangkan hubungan antara keanjalan permintaan dengan hasil jualan atau perbelanjaan penggunaan.

Subtajuk	Huraian
2.1 Keanjalan permintaan	
2.1.1 Keanjalan permintaan harga	(a) Menerangkan konsep keanjalan secara umum (b) Mendefinisikan keanjalan permintaan harga (c) Menggunakan rumus untuk menghitung nilai keanjalan titik dan keanjalan lengkung, dan mentafsirkan nilai keanjalannya (d) Mengenal pasti pelbagai darjah keanjalan: (i) Anjal (ii) Tak anjal (iii) Anjal satu (iv) Anjal sempurna (v) Tak anjal sempurna
2.1.2 Faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan harga	Menghuraikan faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan harga
2.1.3 Hubungan antara keanjalan permintaan harga dengan jumlah hasil jumlah perbelanjaan	Menjelaskan hubungan antara jumlah hasil/jumlah perbelanjaan dengan darjah keanjalan permintaan harga

Subtajuk	Huraian
2.1.4 Keanjalan permintaan silang	<p>(a) Mendefinisikan keanjalan permintaan silang</p> <p>(b) Menggunakan rumus untuk menghitung keanjalan permintaan silang</p> <p>(c) Mengelaskan barang mengikut keanjalan permintaan silang:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Barang penggenap (ii) Barang pengganti (iii) Barang neutral
2.1.5 Keanjalan permintaan pendapatan	<p>(a) Mendefinisikan keanjalan permintaan pendapatan</p> <p>(b) Menggunakan rumus untuk menghitung keanjalan permintaan pendapatan</p> <p>(c) Mengelaskan barang mengikut keanjalan permintaan pendapatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Barang normal (ii) Barang mewah (iii) Barang mesti (iv) Barang bawahan
2.2 Keanjalan penawaran	
2.2.1 Keanjalan penawaran	<p>(a) Mendefinisikan keanjalan penawaran</p> <p>(b) Menggunakan rumus untuk menghitung nilai keanjalan penawaran, dan mentafsirkan nilai keanjalannya</p> <p>(c) Menentukan darjah keanjalan penawaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Anjal (ii) Tak anjal (iii) Anjal satu (iv) Anjal sempurna (v) Tak anjal sempurna
2.2.2 Faktor yang mempengaruhi keanjalan penawaran	Menghuraikan faktor yang mempengaruhi keanjalan penawaran

3 Teori Permintaan dan Perlakuan Pengguna (8 Waktu)

Sinopsis

Teori permintaan dan perlakuan pengguna menerangkan gelagat pengguna semasa memilih dan membeli barang dan perkhidmatan. Daripada teori ini, kita boleh memahami mengapa pengguna akan membeli lebih banyak pada harga yang rendah dan mengurangkan pembeliannya pada harga yang lebih tinggi.

Tajuk ini menerangkan perlakuan pengguna semasa memilih barang dan perkhidmatan untuk memaksimumkan kepuasan (utiliti). Analisis ini mengandaikan pendapatan pengguna adalah terhad.

Kepuasan pengguna diukur secara kardinal dan diterjemahkan dalam jadual dan gambar rajah untuk menerbitkan keluk permintaan individu.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menghitung jumlah utiliti dan utiliti sut;
- (b) melukis keluk jumlah utiliti dan utiliti sut;
- (c) menghitung keseimbangan pengguna;
- (d) menerbitkan keluk permintaan individu, dan
- (e) menghitung lebihan pengguna melalui jadual dan gambar rajah.

Subtajuk	Huraian
3.1 Pendekatan utiliti kardinal 3.1.1 Kes memilih satu barang 3.1.2 Kes memilih banyak barang dengan harga yang berbeza 3.2 Keluk permintaan individu 3.3 Lebihan pengguna	(a) Menerangkan dan mengukur kepuasan pengguna secara kuantitatif (b) Memberikan definisi jumlah utiliti dan utiliti sut (c) Menerangkan hukum utiliti sut berkurangan (d) Menunjukkan bagaimana kepuasan maksimum dicapai (a) Menentukan utiliti sut per ringgit setiap barang yang dipilih (b) Menerangkan syarat keseimbangan pengguna, dan menentukan keseimbangan pengguna (c) Kesan perubahan harga terhadap keseimbangan pengguna Menerbitkan keluk permintaan individu Mentakrifkan lebihan pengguna, dan menghitung lebihan pengguna melalui jadual dan gambar rajah

4 Teori Pengeluaran dan Kos Pengeluaran (20 Waktu)

Sinopsis

Masalah asas ekonomi yang kedua ialah “bagaimana barang dan perkhidmatan dikeluarkan”. Masalah ini perlu diselesaikan oleh pengeluar/firma. Firma perlu memilih cara bagaimana barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat dapat dikeluarkan dengan cekap dan memberi untung yang maksimum kepada firma. Untuk menyelesaikan masalah ini, firma perlu menganalisis kos pengeluaran, dan struktur pasaran barang dan perkhidmatan yang dihadapinya. Penentuan kos pengeluaran bergantung kepada fungsi pengeluaran dan harga faktor yang digunakan.

Analisis teori pengeluaran dan kos pengeluaran dibincangkan dalam tajuk ini. Dalam tajuk yang berikut, akan dijelaskan bagaimana struktur pasaran mempengaruhi keputusan pengeluar untuk menentukan output yang memaksimumkan untung.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menerangkan konsep fungsi pengeluaran;
- (b) memberikan contoh berangka dan gambar rajah tentang fungsi pengeluaran;
- (c) menerangkan hukum pulangan berkurangan;
- (d) menghitung jumlah kos pengeluaran, kos purata, dan kos sut;
- (e) membina gambar rajah -bagi berbagai-bagai jenis kos;
- (f) menerangkan kos jangka pendek dan kos jangka panjang, dan
- (g) menerangkan ekonomi bidangan dan tak ekonomi bidangan.

Subtajuk	Huraian
4.1 Firma, industri, jangka masa pendek, dan jangka masa panjang	Menerangkan maksud firma, industri, input, jangka masa pendek, dan jangka masa panjang
4.2 Fungsi pengeluaran satu input berubah	(a) Menerangkan konsep fungsi pengeluaran satu input berubah (b) Menerangkan hukum pulangan berkurangan (c) Membezakan konsep <ul style="list-style-type: none">(i) jumlah keluaran(ii) keluaran purata(iii) keluaran sut (Nota: Huraian tentang tahap pengeluaran tidak diperlukan)
4.3 Kos pengeluaran jangka pendek	(a) Mendefinisikan kos pengeluaran (b) Membezakan antara kos eksplisit dengan kos implisit

Subtajak	Huraian
	<p>(c) Menerangkan konsep kos jangka pendek dengan menggunakan jadual dan gambar rajah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kos tetap (ii) Kos berubah (iii) Jumlah kos (iv) Kos sut (v) Kos purata (vi) Kos tetap purata (vii) Kos berubah purata <p>(d) Menerangkan hubungan antara keluk-keluk kos</p> <p>(e) Menggunakan rumus persamaan untuk menghitung kos jangka pendek</p> <p>(f) Menerangkan mengapa keluk kos purata berbentuk U</p>
4.4 Kos pengeluaran jangka panjang	<p>(a) Mentakrifkan kos pengeluaran jangka panjang dan menerbitkan keluk perancangan</p> <p>(b) Menerangkan mengapa keluk perancangan berbentuk U</p>
4.5 Ekonomi bidangan dan tak ekonomi bidangan	<p>(a) Mendefinisikan ekonomi bidangan dan tak ekonomi bidangan</p> <p>(b) Mendefinisikan ekonomi bidangan dalaman dan tak ekonomi bidangan dalaman</p> <p>(c) Mengenal pasti faktor yang mewujudkan ekonomi bidangan dalaman dan tak ekonomi bidangan dalaman</p> <p>(d) Mendefinisikan ekonomi bidangan luaran dan tak ekonomi bidangan luaran</p> <p>(e) Mengenal pasti faktor yang mewujudkan ekonomi bidangan luaran dan tak ekonomi bidangan luaran</p>

5 Struktur Pasaran, dan Penentuan Harga dan Output (50 Waktu)

Sinopsis

Tajuk ini melengkapi analisis dalam tajuk 4 yang lalu. Mengetahui ciri kos pengeluaran sahaja belum membolehkan firma menentukan tingkat output yang memaksimumkan untung. Firma perlu mengetahui struktur pasaran yang dihadapi kerana ini akan menentukan hasil jualan yang diterima. Analisis serentak tentang kos dan hasil jualan membolehkan firma menentukan tingkat output yang memaksimumkan untung.

Struktur pasaran menentukan ciri permintaan barang dan perkhidmatan yang dihadapi firma. Dalam analisis ekonomi terdapat empat jenis pasaran barang dan perkhidmatan: persaingan sempurna, monopoli, persaingan bermonopoli, dan oligopoli. Monopoli, persaingan bermonopoli, dan oligopoli dikenali juga sebagai pasaran persaingan tak sempurna. Tajuk ini menerangkan bagaimana keseimbangan firma dicapai.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) membandingkan ciri-ciri pelbagai pasaran;
- (b) menghitung dan menerangkan jumlah hasil, hasil purata, dan hasil sut firma dalam pelbagai struktur pasaran;
- (c) menunjukkan bagaimana firma menentukan output yang memaksimumkan untung, dan
- (d) membandingkan penentuan output dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Subtajuk	Huraian
5.1 Konsep hasil dan struktur pasaran	(a) Mentakrifkan konsep jumlah hasil, hasil purata, dan hasil sut (b) Menerangkan konsep pasaran persaingan sempurna dan pasaran persaingan tak sempurna
5.2 Pasaran persaingan sempurna	(a) Mendefinisikan pasaran persaingan sempurna (b) Menerangkan ciri pasaran persaingan sempurna
5.2.1 Penentuan output firma jangka pendek	(a) Menentukan output keseimbangan mengikut pendekatan jumlah hasil, jumlah kos, dan melukiskan keseimbangan tersebut (b) Menentukan output keseimbangan mengikut pendekatan hasil sut dan kos sut, dan melukiskan keseimbangan tersebut (c) Membezakan tiga keadaan keseimbangan: (i) Untung lebih normal (ii) Untung normal (iii) Rugi

Subtajuk	Huraian
	(d) Menjelaskan keputusan firma apabila mengalami kerugian: meneruskan atau memberhentikan operasi
5.2.2 Keluk penawaran firma dan industri	(a) Menerbitkan keluk penawaran firma
	(b) Menerbitkan keluk penawaran industri
5.2.3 Penentuan keseimbangan jangka panjang	Menerangkan bagaimana penyesuaian dalam pasaran berlaku sehingga menyebabkan firma mendapat untung normal
5.2.4 Kebaikan dan kelemahan pasaran persaingan sempurna	Membincangkan kebaikan dan kelemahan pasaran persaingan sempurna
5.3 Pasaran monopoli	(a) Mendefinisikan pasaran monopoli, dan menerangkan cirinya
	(b) Menerangkan faktor yang menghalang kemasukan firma baru
5.3.1 Penentuan output keseimbangan	(a) Menentukan output keseimbangan mengikut pendekatan jumlah hasil dan jumlah kos, dan melukiskan keseimbangan tersebut
	(b) Menentukan output keseimbangan mengikut pendekatan kos sut dan hasil sut, dan melukiskan keseimbangan tersebut
	(c) Membezakan tiga keadaan keseimbangan bagi monopoli: untung normal, untung lebih normal, dan rugi (Nota: Huraian di atas meliputi jangka pendek dan jangka panjang)
5.3.2 Diskriminasi harga	(a) Mendefinisikan diskriminasi harga
	(b) Menerangkan beberapa jenis diskriminasi harga: (i) Darjah pertama (diskriminasi harga sempurna) (ii) Darjah kedua (diskriminasi harga blok) (iii) Darjah ketiga (diskriminasi pasaran)
5.3.3 Perbandingan antara pasaran persaingan sempurna dengan pasaran monopoli	Membandingkan kedua-dua bentuk pasaran dari segi (i) harga (ii) kuantiti (iii) untung (iv) kecekapan peruntukan (v) kecekapan pengeluaran (vi) lebihan pengguna (vii) lebihan pengeluaran

Subtajak	Huraian
5.3.4 Monopoli kerajaan	<p>(a) Menjelaskan tentang monopoli kerajaan terhadap pengeluaran barang awam</p> <p>(b) Menerangkan monopoli untuk kepentingan masyarakat (menggunakan gambar rajah yang menentukan output pada titik kos purata sama dengan harga)</p>
5.4 Pasaran persaingan bermonopoli	Mendefinisikan pasaran persaingan bermonopoli
5.4.1 Penentuan output keseimbangan	<p>(a) Menentukan output keseimbangan jangka pendek dengan menggunakan gambar rajah</p> <p>(b) Membezakan tiga keadaan keseimbangan bagi pasaran persaingan bermonopoli:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Untung lebih normal (ii) Untung normal (iii) Rugi <p>(c) Menerangkan output keseimbangan jangka panjang</p>
5.4.2 Persaingan bukan harga	<p>(a) Mendefinisikan persaingan bukan harga</p> <p>(b) Menerangkan jenis persaingan bukan harga dari segi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pembezaan keluaran (ii) Penggunaan iklan (iii) Galakan jualan (iv) Khidmat selepas jualan
5.4.3 Kebaikan dan kelemahan pasaran persaingan bermonopoli	Membincangkan kebaikan dan kelemahan pasaran persaingan bermonopoli
5.5 Pasaran oligopoli	<p>(a) Mendefinisikan dan menghuraikan ciri pasaran oligopoli, dan memberikan contoh</p> <p>(b) Menerangkan perbezaan ciri antara pasaran oligopoli dengan pasaran persaingan bermonopoli</p> <p>(Nota: Gambar rajah untuk pasaran oligopoli tidak diperlukan)</p>

6 Teori Agihan (26 Waktu)

Sinopsis

Untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan, firma perlu membeli faktor pengeluaran yang dimiliki oleh isi rumah di pasaran faktor. Analisis interaksi antara firma dan isi rumah di pasaran faktor menerangkan bagaimana harga faktor pengeluaran, iaitu upah, sewa, bunga, dan untung ditentukan. Analisis ini dikenali sebagai “Teori Agihan”.

Analisis ini menerangkan tentang agihan pendapatan antara faktor pengeluaran. Agihan pendapatan menentukan kuasa beli pemilik pelbagai faktor pengeluaran. Agihan ini menentukan pola perbelanjaan isi rumah dan seterusnya menjawab persoalan: “untuk siapa” barang dan perkhidmatan dikeluarkan.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menerangkan ciri permintaan faktor dengan menggunakan jadual dan gambar rajah;
- (b) menerangkan cara firma menentukan jumlah faktor pengeluaran yang memaksimumkan untung;
- (c) menerangkan penentuan harga faktor di pasaran faktor, terutama di pasaran buruh, dan
- (d) menjelaskan faktor yang mempengaruhi upah, sewa, bunga, dan untung.

Subtajuk	Huraian
6.1 Permintaan dan penawaran faktor pengeluaran 6.1.1 Keanjalan permintaan faktor pengeluaran	(a) Menjelaskan tentang keluk permintaan faktor pengeluaran dan teori daya pengeluaran sut (Penerangan menggunakan jadual dan gambar rajah. Analisis terhadap kepada pasaran persaingan sempurna bagi pasaran faktor dan pasaran barang) (b) Menerangkan ciri umum keluk permintaan dan penawaran faktor pengeluaran Menyatakan faktor yang menentukan keanjalan permintaan faktor pengeluaran
6.2 Upah 6.2.1 Penentuan tingkat upah	(a) Mendefinisikan upah (b) Membezakan upah nominal dengan upah benar (c) Mengenal pasti dan menerangkan faktor yang membezakan upah Menerangkan bagaimana upah ditentukan dengan menggunakan gambar rajah (andaian: pasaran buruh ialah pasaran persaingan sempurna)

Subtajak	Huraian
6.2.2 Penentuan penggunaan buruh oleh firma	Menerangkan bagaimana firma menentukan buruh yang memaksimumkan untung dengan menggunakan jadual dan gambar rajah
6.2.3 Kesatuan sekerja	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mendefinisikan kesatuan sekerja (b) Menerangkan tujuan penubuhan kesatuan sekerja (c) Menghuraikan kaedah kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah
6.3 Sewa	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mendefinisikan sewa (b) Membandingkan sewa ekonomi, perolehan pindahan, dan sewa kuasi
6.4 Bunga	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mendefinisikan bunga (b) Membezakan bunga nominal dengan bunga benar (c) Menerangkan teori bunga Klasik dan teori bunga Keynes
6.5 Untung	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mendefinisikan untung (b) Membezakan untung ekonomi (tulen) dengan untung perakaunan (c) Menghuraikan sumber dan peranan untung, iaitu risiko, inovasi, dan kuasa monopoli

7 Peranan Kerajaan (18 Waktu)

Sinopsis

Analisis dalam tajuk 2 hingga 6 pada hakikatnya memberi gambaran tentang bagaimana suatu sistem ekonomi pasaran beroperasi dan menentukan kegiatannya. Analisis bertujuan untuk menerangkan bagaimana sistem pasaran bebas menyelesaikan masalah “apa dan berapa”, “bagaimana”, dan “untuk siapa” barang dan perkhidmatan dikeluarkan.

Persoalannya, adakah pasaran bebas memperuntukkan penggunaan sumber yang ada secara cekap? Bahagian pertama analisis tajuk ini membuat penilaian tersebut, dengan melihat kebaikan dan kelemahan sistem pasaran bebas. Kelemahan yang terdapat dalam sistem pasaran bebas tidak dapat diatasi oleh sistem pasaran itu sendiri. Inilah yang mendorong campur tangan kerajaan dalam kegiatan ekonomi.

Tajuk ini menjelaskan beberapa bentuk dasar kerajaan untuk mengatasi kelemahan sistem pasaran bebas bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber yang ada untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menerangkan perlunya kerajaan campur tangan dalam kegiatan ekonomi, dan
- (b) menunjukkan bentuk campur tangan kerajaan bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber untuk meningkatkan kebajikan masyarakat.

Subtajuk	Huraian
7.1 Mengapa kerajaan perlu campur tangan dalam kegiatan ekonomi	(a) Menghuraikan secara ringkas kegagalan sistem pasaran bebas: <ul style="list-style-type: none">(i) Ketidakcekapan pengeluaran dan peruntukan sumber disebabkan oleh kuasa monopoli(ii) Pengagihan pendapatan yang tak setara(iii) Eksternaliti yang negatif(iv) Kekurangan barang awam(v) Ketakstabilan aktiviti ekonomi (b) Menjelaskan tujuan/tindakan campur tangan kerajaan dalam kegiatan ekonomi
7.2 Dasar kerajaan 7.2.1 Peraturan dan undang-undang	(a) Menerangkan bentuk peraturan dan undang-undang yang boleh digunakan untuk mengatasi kelemahan sistem pasaran bebas, contohnya mengawal kuasa monopoli dan meningkatkan persaingan

Subtajak	Huraian
<p data-bbox="312 443 663 472">7.2.2 Pencukaaian dan subsidi</p> <p data-bbox="312 712 619 741">7.2.3 Pemilikan Kerajaan</p>	<p data-bbox="820 277 1422 405">(b) Menerangkan campur tangan dalam penentuan harga (harga maksimum, harga minimum, upah minimum, kawalan keluaran, kawalan penawaran, dan kuota)</p> <p data-bbox="820 445 1366 510">(a) Menerangkan kesan cukai terhadap harga, output, dan beban cukai</p> <p data-bbox="820 551 1378 616">(b) Menerangkan kesan subsidi terhadap harga dan output</p> <p data-bbox="820 656 1262 685">(c) Menyetarakan agihan pendapatan</p> <p data-bbox="820 725 1409 813">Menerangkan kegiatan kerajaan menubuhkan dan memiliknegarakan syarikat-syarikat tertentu yang boleh meningkatkan kebajikan masyarakat</p>

(C) BAHAGIAN MAKROEKONOMI (158 Waktu)

1 Pengenalan (8 Waktu)

Sinopsis

Setiap masyarakat berkeinginan agar ekonominya dapat menggunakan sumber-sumber yang dimiliki dengan efisien dalam keadaan harga yang stabil. Akan tetapi dalam praktiknya keinginan ini jarang dapat dicapai. Pengangguran, inflasi, dan pertumbuhan ekonomi yang lembap merupakan masalah yang selalu dihadapi setiap ekonomi. Analisis makroekonomi akan menerangkan sebab berlakunya masalah-masalah tersebut dan cara bagaimana berbagai-bagai masalah itu diatasi.

Tajuk ini akan memberikan suatu gambaran kasar mengenai analisis-analisis yang diliputi dalam teori makroekonomi. Terlebih dahulu akan diterangkan perbezaan antara liputan teori mikroekonomi dengan teori makroekonomi. Analisis seterusnya akan secara ringkas melihat masalah makroekonomi yang utama dan bentuk dasar kerajaan yang boleh digunakan untuk mengatasinya.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menerangkan konsep makroekonomi;
- (b) mengenal pasti dan menghuraikan masalah pengangguran, inflasi, ketidakseimbangan imbalan pembayaran, dan pertumbuhan ekonomi, dan
- (c) menerangkan matlamat dan bentuk dasar kerajaan.

Subtajuk	Huraian
1.1 Definisi dan skop analisis makroekonomi	Menerangkan konsep makroekonomi dan membezakan bidang kajian antara mikroekonomi dengan makroekonomi
1.2 Petunjuk/pembolehubah makroekonomi	(a) Menerangkan secara ringkas: <ul style="list-style-type: none">(i) Pendapatan negara/keluaran negara(ii) Guna tenaga dan pengangguran(iii) Inflasi(iv) Imbalan pembayaran(v) Pertumbuhan ekonomi (b) Menunjukkan kepentingan petunjuk di atas dengan data ekonomi Malaysia
1.3 Dasar makroekonomi	Menerangkan definisi, matlamat, dan bentuk dasar makroekonomi
1.3.1 Matlamat dasar makroekonomi	Menghuraikan matlamat yang ingin dicapai <ul style="list-style-type: none">(i) Tingkat guna tenaga penuh(ii) Kestabilan imbalan pembayaran(iii) Membaiki imbalan pembayaran(iv) Meningkatkan pertumbuhan ekonomi

Subtajuk	Huraian
1.3.2 Bentuk dasar makroekonomi	<p>Menghuraikan secara ringkas dasar-dasar yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Dasar sebelah permintaan <ul style="list-style-type: none"> (i) Dasar fiskal (ii) Dasar kewangan (iii) Kawalan langsung (b) Dasar sebelah penawaran <ul style="list-style-type: none"> (i) Perubahan cukai pendapatan (ii) Penurunan cukai input yang diimport (iii) Galakan fiskal/insentif pelaburan (iv) Galakan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D)

2 Perakaunan Pendapatan Negara (22 Waktu)

Sinopsis

Untuk melihat pencapaian kegiatan ekonomi sesebuah negara pada suatu masa tertentu, dan perkembangannya dari semasa ke semasa, perlulah ditentukan kemampuan negara tersebut menghasilkan barang dan perkhidmatan. Perakaunan pendapatan negara dikembangkan untuk tujuan tersebut. Data yang dikumpulkan dan diterbitkan dapat memberi gambaran tentang pencapaian kegiatan ekonomi negara pada suatu tahun tertentu dan pertumbuhan serta perkembangannya dari semasa ke semasa.

Tajuk ini akan menerangkan tiga perkara berikut: beberapa konsep utama keluaran negara/pendapatan negara, kaedah-kaedah penghitungan pendapatan negara, dan cara penghitungan serta data pendapatan negara di Malaysia. Sebagai pelengkap, dua perkara akan diterangkan, iaitu masalah-masalah dalam pengiraan pendapatan negara dan kegunaan data pendapatan negara.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menunjukkan beberapa konsep utama dalam perakaunan pendapatan negara;
- (b) menghitung pendapatan negara dengan menggunakan tiga kaedah yang berlainan;
- (c) menggunakan data pendapatan negara untuk memerihalkan struktur ekonomi Malaysia;
- (d) menerangkan masalah dan kelemahan penghitungan pendapatan negara, dan
- (e) menjelaskan kegunaan data pendapatan negara.

Subtajuk	Huraian
2.1 Konsep pendapatan negara	(a) Menjelaskan beberapa konsep pendapatan negara <ul style="list-style-type: none">(i) Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)(ii) Keluaran Negara Kasar (KNK)(iii) Keluaran Negara Bersih (KNB) (b) <ul style="list-style-type: none">(i) Keluaran Negara pada harga pasaran(ii) Keluaran Negara pada kos faktor (c) <ul style="list-style-type: none">(i) Pendapatan persendirian(ii) Pendapatan boleh guna(iii) Pendapatan per kapita (d) <ul style="list-style-type: none">(i) Keluaran Negara Nominal(ii) Keluaran Negara Benar
2.2 Kaedah penghitungan pendapatan negara	Menghitung pendapatan negara (Keluaran Negara) dengan menggunakan kaedah yang berikut: <ul style="list-style-type: none">(i) Kaedah perbelanjaan (nilai barang akhir)(ii) Kaedah keluaran (nilai ditambah)(iii) Kaedah pendapatan (bayaran faktor) (Nota: Dalam kaedah keluaran, perlu diterangkan konsep nilai ditambah dan kaedah menghitungnya)

Subtajak	Huraian
2.3 Data Keluaran Negara Malaysia	<p>(a) Menerangkan kaedah penghitungan dan menunjukkan data Keluaran Negara Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kaedah perbelanjaan (kaedah agregat permintaan) (ii) Kaedah keluaran (kaedah punca kegiatan) <p>(b) Menggunakan data ekonomi Malaysia untuk menganalisis</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) pencapaian dan pertumbuhan ekonomi Malaysia (ii) perubahan struktur ekonomi Malaysia semenjak tahun 1970
2.4 Masalah dalam penghitungan pendapatan negara	Menghuraikan masalah dalam penghitungan pendapatan negara seperti penghitungan dua kali, barang yang tidak dipasarkan, masalah harga, barang haram, dan masalah pengumpulan data
2.5 Kelemahan dalam menggunakan data pendapatan negara	<p>Menerangkan kelemahan membandingkan pendapatan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) antara masa (ii) antara negara
2.6 Kegunaan data pendapatan negara	Menjelaskan kegunaan data pendapatan negara sebagai alat pengukur jumlah keluaran pelbagai sektor ekonomi, alat pengukur kadar pertumbuhan ekonomi, asas untuk membuat perancangan ekonomi, alat pengukur taraf hidup, dan petunjuk perubahan struktur ekonomi

3 Penentuan Keseimbangan Pendapatan Negara (36 Waktu)

Sinopsis

Tajuk ini menganalisis bagaimana hendak menentukan tingkat keseimbangan pendapatan negara (tingkat kegiatan ekonomi negara). Analisis tersebut dapat menunjukkan bahawa keseimbangan pendapatan negara ditentukan oleh perbelanjaan agregat (AE). Oleh itu, huraian mengenai keseimbangan pendapatan negara tertumpu kepada: mengenal pasti komponen perbelanjaan agregat dan faktor yang menentukan magnitud setiap komponen, dan menunjukkan peranan perbelanjaan agregat untuk menentukan tingkat kegiatan ekonomi.

Untuk menunjukkan keseimbangan pendapatan negara, tiga model akan digunakan: ekonomi dua sektor, ekonomi tiga sektor (ekonomi tertutup), dan ekonomi empat sektor (ekonomi terbuka). Bagi melengkapkan analisis di atas, satu pendekatan lain akan digunakan untuk menentukan keseimbangan pendapatan negara. Pendekatan tersebut ialah analisis permintaan agregat (AD) dan penawaran agregat (AS), atau analisis keseimbangan AD-AS. Analisis AD-AS ini mengambil kira perubahan harga dalam penentuan keseimbangan dan perubahan-perubahannya. (Keterangan tentang analisis AD-AS diberikan pada Lampiran 1).

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menerangkan komponen utama perbelanjaan agregat;
- (b) menganalisis keseimbangan pendapatan negara dalam ekonomi dua sektor, ekonomi tiga sektor, dan ekonomi empat sektor;
- (c) menjelaskan kesan perubahan perbelanjaan agregat terhadap tingkat kegiatan ekonomi;
- (d) menerangkan ciri keluk AD-AS dan penentuan perkembangan AD-AS, dan
- (e) membandingkan analisis keseimbangan Keynesian dengan analisis keseimbangan AD-AS.

Subtajuk	Huraian
3.1 Konsep keseimbangan pendapatan negara	Menerangkan konsep keseimbangan pendapatan negara
3.2 Keseimbangan pendapatan negara dalam ekonomi dua sektor	(a) Menerangkan maksud ekonomi dua sektor (b) Menjelaskan aliran pusingan pendapatan, suntikan dan bocoran dalam ekonomi dua sektor (c) Menerangkan perbelanjaan penggunaan (C) dan tabungan (S) isi rumah: (i) Ciri perbelanjaan penggunaan dan tabungan isi rumah (ii) Fungsi perbelanjaan penggunaan dan tabungan isi rumah

Subtajuk	Huraian
3.2.1 Pegganda	<p>(d) Menerangkan perbelanjaan pelaburan (I)</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Faktor yang mempengaruhi pelaburan (ii) Fungsi pelaburan autonomi dan fungsi pelaburan teraruh (iii) Menjelaskan konsep kecekapan pelaburan sut (MEI) <p>(e) Menerangkan bagaimana keseimbangan pendapatan negara dicapai dengan menggunakan pendekatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Perbelanjaan agregat (AE)-penawaran agregat (AS) (ii) Suntikan-bocoran <p>Huraian perlu menggunakan jadual, gambar rajah, dan persamaan</p> <p>(a) Menerangkan maksud pengganda</p> <p>(b) Menerangkan faktor yang menyebabkan perubahan perbelanjaan agregat</p> <p>(c) Menerangkan proses pengganda dengan menggunakan jadual dan gambar rajah</p> <p>(d) Menerangkan perubahan pendapatan negara akibat perubahan pelaburan dengan menggunakan rumus pengganda</p>
3.3 Keseimbangan pendapatan negara dalam ekonomi tiga sektor	<p>(a) Menerangkan maksud ekonomi tiga sektor</p> <p>(b) Menjelaskan aliran pusingan pendapatan, suntikan, dan bocoran dalam ekonomi tiga sektor</p> <p>(c) <ul style="list-style-type: none"> (i) Menerangkan maksud cukai sekali gus/ tetap dan cukai berkadar dan fungsi cukai (T) (ii) Menerangkan kesan cukai sekali gus dan cukai berkadar terhadap pendapatan boleh guna, fungsi penggunaan (C) dan fungsi tabungan (S) </p> <p>(d) Menerangkan maksud perbelanjaan kerajaan, faktor yang menentukan perbelanjaan kerajaan dan fungsi perbelanjaan kerajaan (G)</p> <p>(e) Menerangkan kesan cukai dan perbelanjaan kerajaan terhadap perbelanjaan agregat (AE)</p>

Subtajuk	Huraian
<p>3.4 Keseimbangan pendapatan negara dalam ekonomi terbuka (ekonomi empat sektor)</p>	<p>(f) Menerangkan bagaimana keseimbangan pendapatan negara -dicapai dengan menggunakan pendekatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perbelanjaan agregat (AE)- penawaran agregat (AS) (ii) suntikan-bocoran <p>(g) Menerangkan rumus pengganda dalam ekonomi tiga sektor dan penggunaannya Catatan: Huraian perlu menggunakan gambar rajah dan rumus sahaja</p> <p>(a) Menerangkan maksud ekonomi empat sektor</p> <p>(b) Menjelaskan aliran pusingan pendapatan, suntikan dan bocoran dalam ekonomi empat sektor</p> <p>(c) Menerangkan faktor yang menentukan eksport dan import dan fungsi eksport (X) dan fungsi import (M)</p> <p>(d) Menerangkan kesan eksport dan import terhadap perbelanjaan agregat (AE)</p> <p>(e) Menerangkan bagaimana keseimbangan pendapatan negara dicapai dengan menggunakan pendekatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perbelanjaan agregat (AE)-penawaran agregat (AS) (ii) suntikan-bocoran <p>Catatan: Huraian perlu menggunakan gambar rajah dan rumus sahaja. Rumus pengganda tidak perlu diperkenalkan.</p>
<p>3.5 Analisis keseimbangan pendapatan negara dalam keadaan harga berubah (analisis AD-AS)</p>	<p>(a) Menerangkan kesan perubahan harga ke atas perbelanjaan agregat (AE)</p> <p>(b) (i) Mendefinisikan keluk permintaan agregat(AD) (ii) Menerbitkan keluk AD daripada keseimbangan perbelanjaan agregat- penawaran agregat (AE-AS) (iii) Menerangkan perbezaan antara konsep permintaan agregat (AD) dengan perbelanjaan agregat (AE) (iv) Menerangkan mengapa keluk AD bercerun negatif (v) Menerangkan faktor yang menyebabkan peralihan keluk AD: Perubahan komponen AE dan perubahan bekalan wang</p>

Subtajak	Huraian
3.5.1 Keseimbangan AD-AS	<ul style="list-style-type: none"> (c) <ul style="list-style-type: none"> (i) Mendefinisikan keluk penawaran agregat (AS) (ii) Menerangkan mengapa keluk AS bercerun positif (iii) Menerangkan faktor yang menyebabkan peralihan keluk AS: Perubahan harga input, perubahan kos buruh, perubahan teknologi, dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi kos pengeluaran (a) Menerangkan bagaimana keseimbangan pendapatan negara dicapai dengan menggunakan analisis permintaan agregat-penawaran agregat (analisis AD-AS) (b) Menjelaskan konsep lebih permintaan agregat dan lebih penawaran agregat (c) Menerangkan perubahan keseimbangan pendapatan negara akibat: <ul style="list-style-type: none"> (i) Perubahan permintaan agregat sahaja (ii) Perubahan penawaran agregat sahaja (iii) Perubahan permintaan agregat dan penawaran agregat secara serentak

4 Peranan Wang Dalam Ekonomi (20 Waktu)

Sinopsis

Wang merupakan suatu pemboleh ubah makroekonomi yang berperanan sebagai pelincir kegiatan ekonomi. Kuantiti penawaran wang yang optimum sangat diperlukan supaya ekonomi mencapai pertumbuhan yang diinginkan. Untuk melihat peranan wang, tajuk ini akan mendefinisikan wang, menghuraikan ciri dan nilai wang, tujuan memegang wang, peranan institusi kewangan terutama bank pusat dan bank perdagangan, dan analisis kewangan Klasik dan Keynes dalam mempengaruhi kegiatan ekonomi dan tingkat harga.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) mentakrifkan konsep wang, dan menghuraikan kelemahan sistem barter;
- (b) mengenal pasti fungsi wang, ciri wang, dan tujuan memegang wang;
- (c) menerangkan jenis penawaran wang;
- (d) menghubungkan nilai wang dengan tingkat harga;
- (e) mengenal pasti jenis dan peranan institusi kewangan;
- (f) menjelaskan proses penciptaan wang/kredit;
- (g) menerangkan penentuan kadar bunga mengikut teori kewangan Keynes, dan
- (h) menghubungkan penawaran wang dengan harga dan aktiviti ekonomi.

Subtajuk	Huraian
4.1 Wang	(a) Mendefinisikan wang (b) Menerangkan ciri-ciri wang dan jenis wang (c) Menerangkan nilai wang dan kuasa beli wang
4.1.1 Fungsi wang	(a) Menghuraikan kelemahan sistem barter (b) Menjelaskan fungsi wang (c) Menerangkan hubungan antara nilai wang dengan indeks harga pengguna (d) Menerangkan kesan inflasi ke atas fungsi wang
4.1.2 Penawaran bekalan wang	(a) Menerangkan penawaran wang M1 dan M2 (b) Menerangkan komposisi dan kadar pertumbuhan wang di Malaysia
4.2 Institusi kewangan	(a) Mendefinisi dan mengelaskan institusi kewangan (b) Menerangkan aktiviti utama institusi kewangan

Subtajuk	Huraian
4.2.1 Bank Pusat	<p>(a) Menjelaskan fungsi bank pusat</p> <p>(b) Menerangkan sejarah penubuhan dan fungsi Bank Negara Malaysia</p>
4.2.2 Bank perdagangan	<p>(a) Menjelaskan fungsi bank perdagangan</p> <p>(b) Membandingkan fungsi bank pusat dengan bank perdagangan</p>
4.2.3 Institusi Kewangan lain	<p>(a) Menerangkan fungsi utama bank saudagar, institusi kewangan Islam, (perbankan Islam, Takaful, Tabung Haji), bank simpanan, syarikat kewangan, dan insurans</p> <p>(b) Memberikan contoh institusi kewangan di Malaysia seperti Bank Islam, Bank Simpanan Nasional, Syarikat Takaful, dan Arab Malaysian Merchant Bank</p>
4.3 Penciptaan wang/kredit	<p>(a) Menerangkan proses penciptaan wang oleh sistem bank.</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Andaian (ii) Kunci kira-kira (iii) Jadual (iv) Rumus <p>Huraian meliputi sistem satu bank dan banyak bank</p> <p>(b) Menerangkan had dalam proses penciptaan wang</p>
4.4 Wang, harga, dan aktiviti ekonomi	<p>Menerangkan kesan perubahan penawaran wang ke atas kegiatan ekonomi dan tingkat harga</p>
4.4.1 Teori Kuantiti Wang	<p>(a) Menerangkan persamaan pertukaran mengikut analisis Fisher: $MV = PT$</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Andaian (ii) Hubungan antara bekalan wang dengan tingkat harga (iii) Kritikan <p>(b) Menerangkan persamaan pertukaran mengikut analisis Cambridge: $M = kPT$</p>
4.4.2 Teori Kewangan Keynes	<p>(a) Menerangkan teori penentuan kadar bunga dalam pasaran wang</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Menerangkan tujuan permintaan wang: untuk urus niaga, awasan, dan spekulasi (ii) Menerangkan bagaimana keluk permintaan wang diterbitkan

Subtajak	Huraian
	<p>(b) Menerangkan keluk penawaran wang</p> <p>(c) Menerangkan penentuan keseimbangan kadar bunga</p> <p>(d) Menerangkan perubahan keseimbangan kadar bunga apabila berlaku perubahan dalam permintaan wang atau penawaran wang</p> <p>(e) Menerangkan kesan perubahan penawaran wang ke atas kadar bunga, pelaburan, perbelanjaan agregat, dan pendapatan negara</p> <p>Huraian secara gambar rajah diperlukan</p>

5 Masalah Makroekonomi Dan Dasar Penstabilan (24 Waktu)

Sinopsis

Pengangguran, inflasi atau stagflasi mungkin dialami oleh sesebuah negara. Masalah ini sukar diatasi secara sukarela oleh sektor swasta tanpa insentif daripada kerajaan. Malah dengan galakan yang diberi juga belum tentu mendapat sambutan yang memuaskan. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan sendiri dasar fiskal, dasar kewangan, kawalan langsung, dan dasar sebelah penawaran bagi mempengaruhi permintaan agregat dan penawaran agregat. Untuk melihat keberkesanan dasar ini, tajuk ini menghuraikan masalah pengangguran, inflasi dan stagflasi, di samping menghuraikan bagaimana dasar fiskal, dasar kewangan, kawalan langsung, dan dasar sebelah penawaran boleh mengatasi masalah makroekonomi tersebut. Tajuk ini juga menerangkan belanjawan negara dan hutang negara.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) membezakan konsep pendapatan negara sebenar dan pendapatan negara potensi;
- (b) menerangkan konsep pengangguran, inflasi, dan stagflasi;
- (e) menganalisis belanjawan negara Malaysia, dan
- (d) menjelaskan penggunaan dasar fiskal, dasar kewangan, kawalan langsung, dan dasar sebelah penawaran untuk mengatasi masalah inflasi, deflasi, pengangguran, dan kemelesetan.

Subtajuk	Huraian
5.1 Masalah makroekonomi	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menjelaskan dan membezakan konsep pendapatan negara sebenar dan pendapatan negara potensi/pendapatan negara pada guna tenaga penuh (b) Menerangkan maksud lompong deflasi, lompong inflasi, dan jurang Keluaran Negara Kasar (e) Menghitung lompong deflasi dan lompong inflasi
5.1.1 Pengangguran	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menerangkan maksud tenaga buruh, guna tenaga, dan pengangguran (b) Menjelaskan jenis, sebab, dan kesan pengangguran (e) Menerangkan cara mengatasi setiap jenis pengangguran (d) Menghitung guna tenaga, tenaga buruh, dan kadar pengangguran di Malaysia

Subtajuk	Huraian
5.1.2 Inflasi	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menerangkan maksud dan darjah inflasi (b) Menjelaskan jenis dan kesan inflasi (c) Menerangkan negara mengatasi setiap jenis inflasi (d) Menerangkan indeks harga pengguna di Malaysia dan menggunakannya untuk menghitung kadar inflasi (e) Menerangkan hubungan antara inflasi dan pengangguran dengan menggunakan keluk Phillips
5.1.3 Stagflasi	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menerangkan maksud stagflasi (b) Menunjukkan keadaan stagflasi dengan menggunakan gambar rajah (c) Menerangkan punca dan cara mengatasi stagflasi
5.2 Dasar Fiskal	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menerangkan maksud dasar fiskal (b) Menerangkan alat-alat dasar fiskal dan kesan perubahan dasar fiskal ke atas Pendapatan Negara dengan menggunakan AE-AS, suntikan-bocoran, dan pendekatan AD-AS (c) Menerangkan bagaimana alat dasar fiskal digunakan untuk mengatasi masalah inflasi tarikan permintaan dan pengangguran kitaran, dan kitaran perniagaan
5.3 Belanjawan negara di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menjelaskan konsep belanjawan negara Malaysia (b) Menerangkan struktur perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan menunjukkan arah alirannya (c) Menerangkan struktur hasil Kerajaan Persekutuan dan menunjukkan arah alirannya (d) Menerangkan konsep belanjawan lebihan, belanjawan kurangan, dan belanjawan terimbang dengan merujuk belanjawan Malaysia dari semasa ke semasa (e) Menerangkan hutang negara Malaysia dari segi sumber, jumlah semasa, dan arah alirannya

Subtajak	Huraian
5.4 Dasar kewangan	<p>(a) Menerangkan maksud dasar kewangan</p> <p>(b) Menerangkan alat dasar kewangan kuantitatif dan kualitatif</p> <p>(c) Menghuraikan bagaimana alat dasar kewangan digunakan untuk mengatasi masalah inflasi tarikan permintaan dan pengangguran kitaran</p> <p>(d) Menerangkan kesan dasar kewangan ke atas pendapatan negara dengan menggunakan pendekatan AE-AS, suntikan-bocoran, dan AD-AS</p>

6 Perdagangan Dan Kewangan Antarabangsa (40 Waktu)

Sinopsis

Penyertaan dan penglibatan negara dalam urus niaga ekonomi antarabangsa memerlukan pelaku ekonomi memahami beberapa konsep perdagangan antarabangsa dan kewangan antarabangsa (imbangan pembayaran dan kadar pertukaran asing). Di samping itu, pelaku ekonomi perlu juga memahami isu yang berkaitan dengan ekonomi antarabangsa seperti dasar perlindungan, masalah kembar pengangguran dan defisit imbalan pembayaran, dan isu yang berkaitan dengan globalisasi. Oleh itu, tajuk ini akan menghuraikan sebab mengapa perlunya perdagangan antarabangsa, teori faedah mutlak dan faedah berbanding, kadar syarat perdagangan, sekatan perdagangan bebas, imbalan pembayaran, kadar pertukaran asing, masalah kembar pengangguran dan defisit imbalan pembayaran, dan isu globalisasi. Di samping itu, data urus niaga ekonomi antarabangsa di Malaysia akan dihuraikan.

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menerangkan sebab perlunya perdagangan antarabangsa;
- (b) menjelaskan teori faedah mutlak dan faedah berbanding;
- (c) menganalisis aliran perdagangan Malaysia;
- (d) menghuraikan konsep kadar syarat perdagangan;
- (e) menerangkan sekatan perdagangan antarabangsa;
- (f) memperincikan setiap akaun dalam imbalan pembayaran Malaysia;
- (g) menghuraikan konsep kadar pertukaran asing;
- (h) mengenal pasti masalah ekonomi dalam ekonomi terbuka, dan dasar kerajaan yang digunakan untuk mengatasinya, dan
- (i) membincangkan secara ringkas isu dan kesan globalisasi di Malaysia.

Subtajuk	Huraian
6.1 Alasan perlunya perdagangan antarabangsa	(a) Menerangkan faktor yang mendorong berlakunya perdagangan antarabangsa: <ul style="list-style-type: none">(i) Penganugerahan faktor pengeluaran(ii) Cita rasa(iii) Teknologi(iv) Iklim(v) Penduduk (b) Faedah yang diperoleh daripada perdagangan antarabangsa
6.2 Faedah pengkhususan	Menerangkan faedah mutlak dan faedah berbanding dengan menggunakan jadual dan gambar rajah
6.3 Aliran perdagangan Malaysia	(a) Menerangkan komposisi, arah aliran serta perubahan struktur import dan eksport barang

Subtajuk	Huraian
6.4 Kadar syarat perdagangan	<p>(b) Menerangkan komposisi, arah aliran serta perubahan struktur import dan eksport perkhidmatan</p> <p>(a) Menerangkan maksud kadar syarat perdagangan</p> <p>(b) Menjelaskan indeks harga eksport dan indeks harga import</p> <p>(c) Menjelaskan kesan perubahan kadar syarat perdagangan ke atas imbalan perdagangan</p>
6.5 Sekatan perdagangan bebas	<p>(a) Menerangkan alasan mengapa sekatan dikenakan</p> <p>(b) Menerangkan alat sekatan tarif dan bukan tarif yang diamalkan di Malaysia</p> <p>(c) Menerangkan kesan tarif ke atas perdagangan antarabangsa dengan menggunakan gambar rajah</p>
6.6 Imbalan Pembayaran	<p>(a) Menerangkan maksud imbalan pembayaran</p> <p>(b) Menerangkan setiap akaun dalam imbalan pembayaran</p> <p>(c) Menerangkan konsep <ul style="list-style-type: none"> (i) imbalan pembayaran lebihan (ii) imbalan pembayaran kurangan (iii) imbalan pembayaran terimbang dengan merujuk kepada data Malaysia </p>
6.7 Kadar pertukaran asing 6.7.1 Permintaan dan penawaran mata wang asing 6.7.2 Penentuan kadar pertukaran asing (a) Sistem boleh ubah	Menjelaskan konsep kadar pertukaran mata wang asing <p>(a) Menerangkan maksud permintaan dan penawaran mata wang asing</p> <p>(b) Menjelaskan permintaan dan penawaran mata wang asing dengan menggunakan gambar rajah</p> <p>(c) Menerangkan faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing</p> <p>(a) Menerangkan penentuan kadar pertukaran mata wang asing dalam sistem boleh ubah</p> <p>(b) Menerangkan konsep naik nilai dan susut nilai</p> <p>(c) Menerangkan faktor yang menyebabkan perubahan kadar pertukaran mata wang asing</p>

Subtajak	Huraian
(b) Sistem tetap	<p>(a) Menerangkan penentuan kadar pertukaran mata wang asing dalam sistem tetap</p> <p>(b) Menerangkan konsep terlebih nilai dan terkurang nilai, dan kesannya terhadap ekonomi</p> <p>(c) Menerangkan konsep dan kesan devaluasi dan revaluasi</p>
6.7.3 Kadar pertukaran mata wang asing di Malaysia	<p>(a) Menerangkan sistem kadar pertukaran mata wang asing yang diamalkan di Malaysia</p> <p>(b) Meneliti dan menjelaskan kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding dengan beberapa mata yang asing</p>
6.8 Masalah makroekonomi dalam ekonomi terbuka dan dasar kerajaan	<p>(a) Mengenal pasti masalah makroekonomi dalam ekonomi terbuka:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pengangguran dan imbalan pembayaran kurangan/defisit (ii) Inflasi dan imbalan pembayaran kurangan/defisit (iii) Pengangguran dan imbalan pembayaran lebihan (iv) Inflasi dan imbalan pembayaran lebihan <p>(b) Menerangkan bagaimana dasar fiskal, dasar kewangan, perubahan kadar pertukaran mata wang asing dan dasar kawalan langsung mengatasi masalah</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) pengangguran dan imbalan pembayaran kurangan (ii) inflasi dan imbalan pembayaran kurangan
6.9 Globalisasi	<p>(a) Menerangkan maksud globalisasi</p> <p>(b) Faktor yang menggalakkan globalisasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pengaruh sistem ekonomi pasaran bebas yang semakin meluas (ii) Sekatan terhadap perdagangan bebas semakin berkurang (iii) Kemajuan teknologi dalam bidang kewangan (iv) Peningkatan aliran wang dalam pasaran saham dan pasaran modal ke negara membangun

Subtajak	Huraian
	<p>(c) Menerangkan secara ringkas kesan globalisasi terhadap ekonomi Malaysia dari aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Perdagangan antarabangsa (ii) Pelaburan langsung asing (FDI) (iii) Kegiatan syarikat multinasional (MNC) (iv) Aliran modal jangka pendek (v) Aliran faktor pengeluaran <p>(d) Menerangkan secara ringkas institusi yang berkaitan dengan</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perdagangan antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) (ii) kewangan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia (iii) blok perdagangan wilayah seperti Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan Kesatuan Eropah (EU) <p>(Keterangan tentang tajuk globalisasi diberikan dalam Lampiran 2)</p>

7 Pertumbuhan ekonomi (8 Waktu)

Sinopsis

Perbezaan taraf kemakmuran di berbagai-bagai negara adalah sangat nyata. Ini kerana negara-negara tersebut mencapai tingkat pertumbuhan dan perkembangan ekonomi yang berbeza pada masa lepas. Ada yang telah mengalami perkembangan yang pesat, dan sekarang dapat menikmati taraf kemakmuran yang tinggi (contoh: Amerika Syarikat dan negara barat lainnya). Akan tetapi taraf kemakmuran di kebanyakan negara lain adalah rendah kerana pertumbuhan ekonomi yang lembap pada masa lalu (contohnya: negara-negara di Afrika, Amerika Latin, India, dan China). Perbezaan tingkat kemakmuran di berbagai-bagai negara menimbulkan beberapa persoalan. Antaranya ialah, apakah faktor utama yang menyebabkan berlaku pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara? Apakah halangan utama yang dihadapi negara-negara yang sehingga kini tetap mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang rendah? Tajuk ini akan memberikan jawapan kepada persoalan seperti itu.

Sebagai pengenalan dalam analisis mengenai pertumbuhan ekonomi, tajuk ini akan membincangkan perkara yang berikut: gambaran umum tentang perbezaan tingkat (taraf) dan kadar pertumbuhan ekonomi di berbagai-bagai negara, faktor utama yang mewujudkan pertumbuhan ekonomi, faktor utama yang menghalang pertumbuhan ekonomi, dan dasar kerajaan bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi. (Keterangan tentang tajuk pertumbuhan ekonomi diberikan dalam Lampiran 3).

Objektif

Objektif tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) mengetahui erti pertumbuhan ekonomi dan pembangunan ekonomi;
- (b) membandingkan tingkat pembangunan yang dicapai oleh berbagai-bagai negara;
- (c) mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi;
- (d) mengenal pasti faktor yang menghalang pertumbuhan ekonomi, dan
- (e) menunjukkan cara-cara yang boleh dijalankan kerajaan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi.

Subtajuk	Huraian
7.1 Pertumbuhan dan pembangunan ekonomi	(a) Menerangkan maksud pertumbuhan dan pembangunan ekonomi (b) Menggunakan keluk kemungkinan pengeluaran untuk menunjukkan pertumbuhan ekonomi (c) Mengukur kadar pertumbuhan ekonomi dan kadar pembangunan ekonomi dengan mengambil contoh data ekonomi Malaysia

Subtajuk	Huraian
<p>7.2 Perbandingan pertumbuhan ekonomi antara negara</p>	<p>Membanding pertumbuhan ekonomi antara Beberapa negara maju (negara industri) dengan negara membangun dengan menggunakan</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) data pendapatan per kapita (ii) data kadar pertumbuhan ekonomi <p>Catatan: Rujuk Kementerian Kewangan Malaysia: Laporan Ekonomi</p>
<p>7.3 Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi</p>	<p>Menghuraikan faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Anugerah kekayaan alam (ii) Jumlah penduduk dan tenaga buruh mahir (iii) Perkembangan teknologi (iv) Tabungan masyarakat dan pembentukan modal tetap (v) Perluasan pasaran (vi) Sistem sosial dan sikap masyarakat
<p>7.4 Faktor yang menghalang pertumbuhan ekonomi</p>	<p>Menghuraikan faktor yang menghalang pertumbuhan ekonomi seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Ekonomi tradisional (ii) Kekurangan modal dan tabungan (iii) Kekurangan tenaga mahir (iv) Kekurangan usahawan (v) Masalah ledakan penduduk (vi) Faktor sosial yang negatif
<p>7.5 Galakan kerajaan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia</p>	<p>Menjelaskan tindakan kerajaan Malaysia untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Menyediakan infrastruktur fizikal (ii) Meningkatkan taraf pendidikan (iii) Mengembangkan golongan usahawan (iv) Meningkatkan pelaburan domestik dan pelaburan asing (v) Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (vi) Meluaskan pasaran dalam dan luar negeri (vii) Mewujudkan kestabilan ekonomi dan politik

Bentuk Peperiksaan

Peperiksaan bagi mata pelajaran ini terdiri daripada dua kertas dan calon dikehendaki mengambil kedua-dua kertas, iaitu

- (a) Kertas 1: Mikroekonomi
- (b) Kertas 2: Makroekonomi

Kertas 1: Mikroekonomi (3 jam)

Kertas ini terdiri daripada empat bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, dan D.

Bahagian A (30 markah) – Soalan Aneka Pilihan

Bahagian ini terdiri daripada 30 soalan wajib yang berbentuk aneka pilihan yang meliputi tajuk dalam Bahagian Pengenalan dan Bahagian Mikroekonomi.

Bahagian B (30 markah) – Soalan Esei Ringkas

Bahagian ini terdiri daripada lapan soalan jenis esei ringkas. Calon dikehendaki menjawab lima soalan.

Bahagian C (20 markah) – Soalan Esei Panjang

Bahagian ini terdiri daripada empat soalan jenis esei panjang. Calon dikehendaki menjawab dua soalan.

Bahagian D (20 markah) – Soalan Kuantitatif

Bahagian ini terdiri daripada empat soalan jenis kuantitatif. Calon dikehendaki menjawab dua soalan.

Kertas 2: Makroekonomi (3 jam)

Kertas ini terdiri daripada empat bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, dan D.

Bahagian A (30 markah) – Soalan Aneka Pilihan

Bahagian ini terdiri daripada 30 soalan wajib yang berbentuk aneka pilihan yang meliputi tajuk dalam Bahagian Makroekonomi dan Ekonomi Malaysia

Bahagian B (30 markah) – Soalan Esei Ringkas

Bahagian ini terdiri daripada lapan soalan jenis esei ringkas. Calon dikehendaki menjawab lima soalan.

Bahagian C (20 markah) – Soalan Esei Panjang

Bahagian ini terdiri daripada empat soalan jenis esei panjang. Calon dikehendaki menjawab dua soalan.

Bahagian D (20 markah) – Soalan Kuantitatif

Bahagian ini terdiri daripada empat soalan jenis kuantitatif. Calon dikehendaki menjawab dua soalan.

Bagi setiap kertas, masa yang diuntukkan bagi menjawab Bahagian A ialah 1 jam, dan Bahagian B, C, dan D ialah 2 jam.

Rumusan tentang kertas, nama kertas, jenis kertas, bilangan soalan yang dikemukakan dan yang perlu dijawab, markah, masa, ujian, dan wajaran adalah seperti yang dinyatakan pada jadual di bawah ini.

Kertas	Nama kertas	Jenis soalan	Bilangan soalan	Markah	Masa ujian	Wajaran
1	Mikroekonomi	A: Aneka Pilihan	30	30	3 jam	50%
		B: Esei Ringkas	5 daripada 8	30		
		C: Esei Panjang	2 daripada 4	20		
		D: Kuantitatif	2 daripada 4	20		
2	Makroekonomi	A: Aneka Pilihan	30	30	3 jam	50%
		B: Esei Ringkas	5 daripada 8	30		
		C: Esei Panjang	2 daripada 4	20		
		D: Kuantitatif	2 daripada 4	20		

Senarai Rujukan


1. Bank Negara Malaysia, diterbitkan setiap tahun. *Laporan Tahunan*, Kuala Lumpur.
2. Bank Negara Malaysia, diterbitkan setiap suku tahun. *Buletin Suku Tahunan*. Kuala Lumpur.
3. Bank Negara Malaysia, 1999. *The Central Bank and the Financial System in Malaysia "A Decade of Change"* Kuala Lumpur.
4. Kementerian Kewangan Malaysia, diterbitkan setiap tahun. *Laporan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
5. Jabatan Perangkaan Malaysia, diterbitkan setiap tahun. *Buku Tahunan Perangkaan*. Kuala Lumpur
6. Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 2000. *Ekonomi Malaysia*, Edisi Ke-6. Kuala Lumpur: Longman.
7. C.R. Mc Connell dan Stanley L.Brue, 1990. *Economics: Principles, Problems, and Policies*, Edisi Ke-11. New York: McGraw-Hill.
8. Hamzaid Yahya, 1995. *Ekonomi (Bahagian Makroekonomi)*, Cetakan Kedua, Kajang: KYS Enterprise.
9. Hamzaid Yahya, 1995. *Ekonomi (Bahagian Makroekonomi)*, Cetakan Keempat, Kajang: KYS Enterprise.
10. Lai Mooi Chang, 2000. *Makroekonomi STPM*. Petaling Jaya: Longman.
11. Mohd Sheffie Abu Bakar, Sadono Sukimo dan Md. Zyadi Md. Tahir, 2001. *Ekonomi: Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
12. Mohd Rosli Mohamad dan Mohamed Aslam Gulam Hassan (Penyunting), 2000. *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globa/isasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
13. P.A. Samuelson dan W.D. Nordhaus, 1989. *Economics*, Edisi Ke-13. New York: McGraw-Hill.
14. Parkin, 1993. *Economics*, Edisi Ke-2. Reading, Massachusetts: Addison Wesley.
15. Richard G. Lipsey dan K. Alec Chrysta, 1995. *An Introduction to Positive Economics*, Edisi Ke-8. Oxford University Press.
16. Sadono Sukimo, 1993. *Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
17. Sadono Sukimo, 1992. *Makroekonomi*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
18. Sadono Sukimo, 1998. *Mikroekonomi*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.

19. Rosnah Mohamad Sirin, 2000. *Teori Asas Makroekonomi*, Edisi 1. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
20. Rosnah Mohamad Sirin, 2000. *Teori Asas Mikroekonomi*, Edisi 1. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
21. S.H. Lim, 1998. *Makroekonomi STPM*, Cetakan Ketiga. Subang Jaya: Pustaka Sarjana.
22. S.H. Lim, 1998. *Mikroekonomi STPM*, Cetakan Ketiga. Subang Jaya: Pustaka Sarjana. W.J. Baumol dan A.S. Blinder. *Economics: Principles and Policy*. Edisi Ke-7. Orlando: Dryden Press.


ANALISIS AD-AS

Cara yang lebih tepat untuk menganalisis keseimbangan makroekonomi adalah dengan menggunakan analisis *AD-AS*. Keluk *AD* menggambarkan hubungan antara tingkat harga dengan keluaran negara benar. Pada dasarnya keluk itu menggambarkan hubungan antara tingkat harga dengan jumlah keluaran negara benar yang diminta masyarakat. Gambar rajah 1 menggambarkan cara menerbitkan keluk *AD*.

Gambar rajah 1: Menerbitkan Keluk AD



(a)




(b)

Gambar rajah (a) menunjukkan keseimbangan dalam pendekatan Keynesian. Diandaikan pada mulanya tingkat harga adalah P_0 dan pada tingkat harga ini perbelanjaan agregat adalah $AE(P_0)$. Ini bererti keseimbangan ekonomi dicapai pada titik E_0 dengan keluaran negara benar Y_0 . Andaikan harga naik menjadi P_1 . Kenaikan ini menyebabkan pendapatan benar masyarakat menurun dan mereka akan membeli pada tingkat keluaran negara benar yang semakin sedikit. Kesan daripada kenaikan harga ini perbelanjaan agregat akan menurun menjadi $AE(P_1)$ dan keseimbangan berubah ke E_1 . Ini bermakna keluaran negara benar telah turun menjadi Y_1 .

Huraian di atas jelas menunjukkan pada tingkat harga P_0 keseimbangan dicapai pada titik E_0 dan pendapatan negara adalah Y_0 . Kenaikan harga menjadi P_1 mengubah keseimbangan ke E_1 dan bererti pendapatan negara benar ialah Y_1 . Hubungan antara pendapatan negara pada keseimbangan dan tingkat harga ditunjukkan oleh Gambar rajah (b). Titik E_1 menggambarkan hubungan antara pendapatan negara Y_1 dengan tingkat harga P_1 . Apabila titik E_0 dan E_1 disambung maka keluk tersebut ialah keluk AD .


Keluk AS berbentuk menaik ke atas dari kiri ke kanan, iaitu seperti yang digambarkan dalam Gambar rajah 2. Bentuknya yang mencerun ke atas bererti: semakin tinggi tingkat harga, semakin banyak barang yang ditawarkan oleh para pengeluar. Penawaran yang sedemikian disebabkan oleh dua faktor. Yang pertama adalah disebabkan oleh hukum pulangan semakin berkurang. Hukum tersebut mengatakan: semakin banyak buruh yang digunakan semakin berkurang keluaran buruh yang berikutnya. Apabila diandaikan upah buruh adalah sama, keluaran sut yang berkurang itu menyebabkan kos pengeluaran semakin tinggi. Implikasi dari ciri ini maka semakin banyak output semakin tinggi kos sutnya. Oleh itu, penawaran keluaran negara benar yang lebih besar hanya akan berlaku apabila harga meningkat. Seterusnya keluk AS mencerun ke atas disebabkan pula oleh kenyataan bahawa keluk penawaran buruh menaik ke kanan. Ini bermakna semakin banyak buruh digunakan, semakin tinggi upah seunit buruh yang akan dibayar. Akibatnya kos sut semakin meningkat apabila output benar meningkat. Ini merupakan satu lagi faktor yang menyebabkan keluk AS menaik ke atas dari kiri ke kanan.

Gambar rajah 2: Bentuk Keluk AS




Setelah menerbitkan keluk AD dan menerangkan bentuk keluk AS , sekarang dapatlah dianalisis keseimbangan $AS-AD$ dan perubahan-perubahannya. Gambar rajah 3 menerangkan bagaimana keseimbangan $AD-AS$ dicapai. Apakah yang berlaku apabila harga ialah P_1 ? Didapati penawaran agregat (AS) melebihi permintaan agregat (AD). Lebihan penawaran ini akan menurunkan harga. Ini bererti harga P_1 tidak kekal dan keseimbangan tidak wujud. Dalam keadaan apabila tingkat harga ialah P_2 keadaan sebaliknya berlaku – iaitu permintaan agregat melebihi penawaran agregat. Kekurangan penawaran ini akan menaikkan harga. Akibatnya pada P_2 juga keseimbangan tidak dicapai. Hanya pada titik P_0 harga tidak mengalami perubahan oleh sebab jumlah permintaan agregat adalah sama dengan penawaran agregat. Keseimbangan ini bererti dalam ekonomi tersebut firma-firma akan mengeluarkan barang sebanyak Y_0 .

Gambar rajah 3: Keseimbangan Ekonomi Makro




Kesan daripada beberapa perubahan keluk AD dan keluk AS ditunjukkan dalam gambar rajah 4. Gambar rajah (a) menggambarkan kesan pertambahan permintaan agregat (harga naik dan keluaran negara benar juga naik). Kesan pengurangan penawaran agregat ditunjukkan pada gambar rajah (b) – yang menunjukkan harga naik tetapi keluaran negara benar merosot. Keadaan ini dinamakan stagflasi. Pengurangan permintaan agregat, yang ditunjukkan dalam gambar rajah (c), menimbulkan kemelesetan – iaitu keluaran negara benar merosot dan harga juga merosot. Akhirnya gambar rajah (d) menunjukkan kesan perkembangan teknologi. Keluk AS berpindah ke kanan dan menyebabkan pendapatan negara benar meningkat pada harga yang semakin rendah.


Gambar rajah 4: Perubahan Keseimbangan AD-AS




(a) Permintaan agregat meningkat



(b) Pengurangan penawaran agregat



(c) Pengurangan permintaan agregat



(d) Perkembangan teknologi

GLOBALISASI

Definisi

Globalisasi merupakan satu konsep yang sering disebut oleh banyak individu dan setiap individu mempunyai takrifan tersendiri. Memberi satu definisi kepada konsep globalisasi adalah sukar, penuh dengan masalah, kerap dipertikaikan, dan diwarnai pula oleh ideologi terselindung. Ia merupakan fenomena berbagai-bagai dimensi – ekonomi, politik, sosial, dan ideologi. Ia juga merupakan satu proses atau cantuman proses; dibantu oleh perkembangan teknologi pengangkutan dan komunikasi, sedangkan ekonomi, budaya, politik, dan ideologi nasional ditembusi oleh ekonomi, budaya, politik, dan ideologi asing.

Memandangkan tiadanya satu definisi ataupun wujudnya kepelbagaian pemahaman tentang konsep ini, diperturunkan beberapa petikan yang merangkumi kenyataan di atas:

- ... peningkatan saling bergantung antara manusia dan tempat melalui temu-tumpu (*convergence*) proses perubahan ekonomi, politik, dan sosial. (L. Rowntree, 1999. *DiveJfsity Amid Globalization: World Regions, Environment and Development*. New Jersey: Prentice Hall; p. 1)
- Globalisasi ekonomi ialah satu jenis kolonialisme baru korporat terhadap negara miskin dan golongan miskin di negara kaya. (<http://www.oneworld.org/guides/globalisation/front.shtm>).
- Ia merupakan strategi tertentu yang diamalkan oleh negara maju dan syarikat transnasional. Strategi ini ialah untuk memastikan keterbukaan penuh pasaran nasional dan antarabangsa. (<http://www.oneworld.org/guides/globalisationfront.shtml>).
- ... terselindung dalam globalisasi ialah pertumbuhan ekonomi dan pasar.
- ... pemindahan bahasa asing ialah satu jenis bentuk globalisasi ...
- ... perkembangan bentuk pengangkutan dan komunikasi memungkinkan temu-tumpu pembangunan ekonomi, politik, dan budaya sebagai satu akibat globalisasi ...
- ... inti pati globalisasi ialah salah satu usaha dan tekanan syarikat gergasi serta institusi kewangan untuk memperoleh lebih banyak untung. Syarikat gergasi ini, melalui kerajaan masing-masing berusaha memecah batasan nasional yang menghalang mereka daripada membolot pasaran nasional.
- Globalisasi ... ialah peningkatan saling pergantungan: apa yang berlaku di sesebuah negara semakin berkait dengan apa yang berlaku di negara-negara lain di dunia ... dunia menjadi satu sistem pasar yang saling bergantung ... iaitu ia merujuk kepada proses integrasi pasar sedunia. (C. J. Jepman and A. P. Rhoen, eds., 1996. *International Trade: A business perspective*. London: Longman; p. 26).

Perspektif Makro dan Mikro

Bagi tujuan kursus ini dan pada tahap ini, kita guna pakai takrifan globalisasi sebagai peningkatan saling **pergantungan ekonomi** sesebuah negara terhadap negara asing. Saling pergantungan ini adalah disebabkan organisasi-semula ekonomi dunia. Antara ciri-cirinya: sistem komunikasi global yang cekap dan pantas dalam menghubungi seluruh pelosok dunia; sistem pengangkutan yang dapat menggerakkan barangan dengan pantas; strategi korporat yang menimbulkan syarikat gergasi di dunia; bentuk pengumpulan modal yang baru dan fleksibel; institusi kewangan antarabangsa yang membenarkan urusan niaga kewangan dilakukan 24 jam; perjanjian perdagangan yang mengurangkan sekatan perdagangan; ekonomi negara semakin bebas; penswastan yang mengurangkan penglibatan kerajaan dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan; pertambahan dan percambahan barangan dunia di pasaran tempatan untuk memenuhi cita rasa pengguna; pertambahan bilangan dan pergerakan buruh, dan pengurusan dan eksekutif asing yang mengizinkan proses ini.

Untuk menghayati dimensi globalisasi ini, pelajar harus membuat penyelidikan, mengumpul data, dan membuat rumusan tentang aspek berikut yang boleh mencirikan proses dan darjah globalisasi di Malaysia; iaitu dengan

- menghitung nisbah eksport kepada KDNK untuk jangka masa 20 tahun
- menghitung nisbah import kepada KDNK untuk jangka masa 20 tahun
- mencari data siri masa jumlah FDI
- mencari data aliran modal jangka pendek sektor swasta
- mencari data tentang bilangan pekerja asing sah untuk jangka masa 20 tahun
- mencari data tentang bilangan syarikat pembuatan asing yang beroperasi
- mencari data tentang bilangan pekerja tempatan yang bekerja dengan syarikat pembuatan asing
- meneliti perbincangan tentang punca dan proses merebaknya krisis kewangan antarabangsa pada tahun 1997-1998
- mencari nama-nama syarikat antarabangsa yang mengurus niaga dalam barangan runcit, perabot, insurans, pakaian, dan makanan
- mencari nama syarikat Malaysia yang beroperasi di negara asing
- mencari “francis” asing yang terdapat, (a) di Malaysia, dan (b) di lokasi tempatan

Guru boleh fikirkan aspek-aspek lain yang boleh diterokai oleh pelajar untuk menonjolkan pengertian globalisasi ekonomi, seperti yang ditakrifkan di atas.

Kritikan Globalisasi Ekonomi

Mereka yang melaung-laungkan globalisasi menghujah bahawa globalisasi akan membawa faedah kepada semua melalui perdagangan yang lebih luas serta pengumpulan harta. Tetapi pengkritik menghujah bahawa keburukan daripada globalisasi jauh lebih besar daripada kebaikan yang dibawanya. Antara kritikan ini ialah:

- Globalisasi ialah hasil usaha dan dasar negara maju untuk mengumpul kekayaan melalui proses dan bidang yang membawa keuntungan kepada mereka sahaja; proses yang sama dalam bidang lain yang membuka pasaran mereka kepada negara mundur tidak diizinkan.
- Faedah dan kebaikan yang dinikmati oleh negara mundur kerana proses ini amatlah kecil dan dari banyak segi, ia merugikan negara mundur.

- ❑ Globalisasi menggalakkan perkembangan ekonomi yang bergantung kepada sektor eksport dengan kesan negatif kepada kegiatan ekonomi tempatan dan pengurangan pergantungan kepada aktiviti ekonomi tempatan.
- ❑ Pasaran bebas yang dituntut oleh negara-negara maju untuk proses ini tidak diamalkan sepenuhnya di negara-negara maju. Banyak kerajaan negara maju memainkan peranan yang aktif dan penting dalam mengawal sektor-sektor tertentu dan tidak dibuka sepenuhnya kepada ejen ekonomi dari negara lain.

Penutup

Tajuk ini merupakan kali pertama ia diperkenalkan dalam sukatan pelajaran ekonomi. Tujuannya adalah untuk **mendedahkan** pelajar dan guru kepada perkembangan terkini dan amat penting bagi ekonomi Malaysia. Adalah dipercayai, takrifan, dan kepentingan fenomena ini dapat lebih dihayati melalui proses reflektif perkembangan semasa daripada mendalami melalui pembacaan. Sebagai permulaan, pelajar dan guru dinasihati supaya melawat laman web untuk meninjau perkembangan debat mengenai tajuk ini.

PERTUMBUHAN EKONOMI

Pertumbuhan ekonomi berkait rapat dengan keadaan ekonomi dalam jangka panjang. Pertumbuhan ekonomi menunjukkan berlakunya perkembangan ekonomi yang diikuti oleh transformasi ekonomi dari ekonomi sara diri kepada ekonomi berasaskan pengeluaran bahan mentah dan akhirnya kepada ekonomi perindustrian.

Pertumbuhan ekonomi dunia yang telah berlaku sejak dua kurun yang lalu telah mewujudkan dua bentuk kemajuan kebajikan yang utama. Pertama, kebajikan atau taraf hidup masyarakat sudah semakin meningkat. Kedua, banyak negara berjaya menyediakan peluang pekerjaan baru pada penduduk yang semakin bertambah jumlahnya dan menyebabkan kadar pengangguran dapat dikekalkan pada tingkat yang rendah.

KONSEP PERTUMBUHAN EKONOMI

Istilah seperti pertumbuhan ekonomi (*economic growth*), pembangunan ekonomi (*economic development*), kemakmuran atau taraf hidup masyarakat dan pendapatan per kapita merupakan beberapa konsep yang penting difahami.

Pertumbuhan Ekonomi

Istilah pertumbuhan ekonomi merupakan pengukur prestasi pembangunan sesebuah ekonomi. Pertumbuhan ekonomi bererti pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti penambahan jumlah pengeluaran barang industri, pembangunan infrastruktur, penambahan jumlah sekolah, penambahan pengeluaran sektor ekonomi lain dan pembangunan ekonomi atau sosial lainnya. Kadar pertumbuhan ekonomi yang dicapai oleh sesebuah negara diukur dari pertumbuhan pendapatan negara benar yang dicapai.

Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi dikaitkan dengan pembangunan dalam pelbagai sektor sama ada ekonomi ataupun sosial.

Dalam memahami istilah *pembangunan ekonomi*, ahli ekonomi bukan saja berminat kepada masalah pertumbuhan pendapatan negara benar tetapi juga kepada kemajuan atau pembaharuan kegiatan ekonomi dan kepada usaha memodenkan sektor pertanian dan industri untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi, juga mengenai agihan pendapatan termasuk masalah kemiskinan dan hal-hal yang berkaitan dengan sosioekonomi.

Taraf Kebajikan

Banyak petunjuk yang boleh digunakan untuk melihat dan membandingkan tahap kebajikan dan taraf hidup yang dicapai oleh masyarakat. Untuk menunjukkan taraf kebajikan sesebuah masyarakat, data pendapatan per kapita dalam sebutan mata wang negara tersebut biasanya digunakan. Pertumbuhan ekonomi dan kebajikan dicerminkan oleh pertumbuhan yang sebenarnya dalam pengeluaran negara. Untuk menunjukkan pertumbuhan kebajikan dalam sesebuah masyarakat pendapatan per kapita pada harga tetap perlu dihitung. Sesebuah masyarakat dikatakan mengalami pembaikan dalam kebajikan benar apabila pendapatan per kapita pada harga tetap atau pendapatan per kapita benar terus menerus bertambah.

Untuk membuat perbandingan, data pendapatan per kapita di berbagai-bagai negara dengan menggunakan dolar Amerika Syarikat digunakan. Data pendapatan negara tidak boleh digunakan untuk menunjukkan taraf kebajikan kerana setiap negara mempunyai jumlah penduduk yang berbeza.

Oleh itu perbandingan yang dibuat harus dilihat sebagai gambaran kasar terhadap perbezaan taraf kebajikan yang dicapai di negara-negara di dunia ini. Salah satu faktor yang menyebabkan ketidaktepatan cara perbandingan itu ialah perbezaan dalam kos hidup (*cost of living*) antara negara.

Secara kasar taraf hidup di negara kaya jauh lebih tinggi berbanding di negara yang rakyatnya relatif miskin. Perbandingan tahap kebajikan mereka dengan negara membangun tidak seburuk seperti yang ditunjukkan oleh perbezaan data pendapatan per kapita.

PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA DAN BEBERAPA NEGARA LAIN

Bahagian ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang berlaku di Malaysia dan beberapa negara terpilih semenjak tahun 1980. Melalui perbandingan ini akan dapat dilihat (i) sejauh mana beberapa negara di dunia telah mampu mengembangkan ekonominya, dan (ii) sejauh mana kejayaan pertumbuhan ekonomi di Malaysia dibandingkan dengan negara lain.

Pertumbuhan Ekonomi

Jadual 1 menunjukkan data pertumbuhan ekonomi Malaysia dari tahun 1980 hingga tahun 1998. Data tersebut menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah lebih tinggi pada tahun 1990an jika dibandingkan dengan tahun 1980an. Secara purata, dalam tahun 1980an kadar pertumbuhan purata tahunan adalah di sekitar 5.8 peratus setahun, manakala dalam tahun 1990an kadar puratanya adalah di sekitar 7.2 peratus. Secara keseluruhannya dalam jangka masa 1980-98 pertumbuhan ekonomi adalah cukup pesat tetapi tidak selalu Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang teguh. Pada tahun 1985 dan 1998 kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah negatif. Ini bererti ekonomi Malaysia mengalami kejatuhan. Kemerosotan ekonomi yang dialami Malaysia pada tahun 1998 adalah lebih serius dari tahun 1985. Pada tahun 1986, walaupun ekonomi berkembang tetapi kadar pertumbuhannya sangat lambat.

Jadual 1: Pertumbuhan Ekonomi Malaysia, 1980-98

Tahun	Kadar pertumbuhan (%)	Tahun	Kadar pertumbuhan (%)
1980	7.4	1990	9.7
1981	6.9	1991	8.7
1982	5.9	1992	7.8
1983	6.3	1993	8.3
1984	7.8	1994	9.2
1985	-1.0	1995	9.4
1986	1.2	1996	8.6
1987	5.4	1997	7.7
1988	8.9	1998*	-4.8
1989	9.2		
Purata: 1980-89 5.8		Purata: 1990-98: 7.2	

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, **Laporan Ekonomi**, berbagai tahun.

* Data anggaran

Jangka masa 1988-97 boleh dipandang sebagai “zaman keemasan” dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia semenjak merdeka. Dalam jangka masa ini kadar pertumbuhan mencapai purata hampir 8.8 peratus. Kesan daripada kadar pertumbuhan yang pesat ini menyebabkan pengurangan kadar pengangguran yang berterusan dan semenjak tahun 1992 Malaysia telah boleh mencapai guna tenaga penuh. Kenaikan guna tenaga dan pendapatan ini seterusnya mendorong kepada perkembangan sektor ekonomi yang sangat bergantung kepada perkembangan pendapatan di dalam negeri – iaitu sektor pembinaan dan perkhidmatan.

Pertumbuhan Ekonomi Di Berbagai Negara

Salah satu cara untuk melihat sama ada sesebuah negara telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang membanggakan atau sebaliknya adalah dengan membandingkan kadar pertumbuhan ekonomi negara itu dengan kadar pertumbuhan yang dicapai oleh negara lain dalam jangka masa yang sama. Untuk membandingkan pencapaian Malaysia dengan negara lain, dalam Jadual 2 ditunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi di beberapa negara membangun dan negara industri.

Jadual 2: Kadar Pertumbuhan Ekonomi Di Beberapa Negara

Negara	Kadar pertumbuhan (%)	
	1980-90	1990-95
<i>A. Negara-negara membangun</i>		
1. India	5.8	4.6
2. China	10.2	12.8
3. Indonesia	6.1	7.6
4. Thailand	7.6	8.4
5. Malaysia	5.2	8.7
6. Mexico	1.0	1.1
7. Brazil	2.7	2.7
8. Filipina	1.0	2.3
9. Korea Selatan	9.4	7.2
10. Singapura	6.4	8.7
<i>B. Negara-negara industri</i>		
1. Amerika Syarikat	3.0	2.6
2. Jepun	4.0	1.0
3. United Kingdom	3.2	1.4
4. Jerman	2.2	–
5. Perancis	2.4	1.0
6. Australia	3.4	3.5
7. Russia	1.9	–9.8

Sumber: The World Bank, **World Development Report 1997**

PENENTU PERTUMBUHAN EKONOMI

Faktor seperti kestabilan politik, dasar ekonomi kerajaan, kekayaan alam yang dimiliki, jumlah dan kemampuan tenaga buruh, adanya usahawan dan kemampuan mencipta serta menggunakan teknologi moden adalah penentu utama yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.

Anugerah Kekayaan Alam

Anugerah kekayaan sesebuah negara meliputi tanah, iklim dan cuaca, hasil hutan dan laut yang boleh diperolehi, juga termasuk jenis dan jumlah simpanan galian yang ada atau dimiliki. Adanya sumber kekayaan alam seumpama ini boleh mempermudah usaha untuk membangunkan ekonomi, terutamanya bagi menggerakkan atau memulakan proses pertumbuhan ekonomi.

Apabila sesebuah negara mempunyai kekayaan alam yang boleh diusahakan dan memiliki modal dan teknik pengeluaran moden, maka kegiatan untuk mengembangkan ekonomi boleh dijalankan dengan lebih mudah. Jangkaan keuntungan daripada kegiatan pengeluaran tersebut akan menarik pelabur dari negara asing terutamanya dari negara maju untuk melabur dan mengusahakan pengeluaran kekayaan alam tersebut. Modal, teknologi dan teknik pengeluaran yang moden berserta buruh mahir akan dibawa oleh pelabur dari luar negeri. Sektor bijih timah dan getah, telah menjadi penggerak awal pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Pembangunan ekonomi tidak semestinya bergantung kepada simpanan kekayaan alam sesebuah negara. Perkembangan ekonomi di Negeri Belanda dan Jepun membuktikan bahawa pembangunan ekonomi yang pesat boleh berlaku tanpa adanya sumber anugerah alam. Pembangunan ekonomi negeri Belanda bermula dari pembangunan di sektor perdagangannya. Perkembangan ekonomi yang pesat di Jepun selepas Perang Dunia adalah hasil daripada kejayaan mereka dalam membangunkan sektor industri yang cekap melalui inovasi dan penciptaan teknologi sama ada dalam pengeluaran barangan atau perkhidmatan.

Jumlah Penduduk Dan Tenaga Buruh Mahir

Jumlah penduduk yang bertambah akan meninggikan jumlah tenaga buruh, dan pertambahan buruh ini akan memungkinkan sesebuah negara itu menambahkan jumlah pengeluaran. Pendidikan, latihan, dan pengalaman bekerja akan menyebabkan kemahiran penduduk meningkat.

Pasaran untuk barang yang dikeluarkan dalam sesebuah ekonomi bergantung kepada pendapatan penduduk dan jumlah penduduk. Pertumbuhan penduduk akan mewujudkan dorongan kepada pertambahan pengeluaran dan tingkat kegiatan ekonomi.

Kesan buruk daripada pertambahan penduduk kepada pertumbuhan ekonomi berpunca daripada masalah lebih penduduk. Sesebuah negara dikatakan menghadapi masalah lebih penduduk apabila jumlah penduduk secara relatif adalah lebih tinggi daripada faktor pengeluaran lain.

Apabila pertambahan tenaga buruh tidak dapat menaikkan pengeluaran dengan kadar yang lebih cepat daripada kadar pertambahan penduduk, pendapatan per kapita akan menurun.

Simpanan (Tabungan) Masyarakat Dan Pembentukan Modal Tetap

Kemampuan negara untuk mendapatkan modal bergantung kepada kemampuan masyarakatnya untuk menyimpan. Jumlah simpanan masyarakat mempengaruhi jumlah pengumpulan modal. Bagaimana simpanan digunakan akan memberi kesan kepada kadar pembentukan modal dan pertumbuhan ekonomi. Jika simpanan sebahagian besarnya diagihkan kepada sektor yang tidak produktif seperti pembelian saham dan harta tanah, maka pertumbuhan ekonomi kurang berlaku. Jika sebahagian simpanan diagihkan kepada pembinaan infrastruktur, pertumbuhan yang tinggi di sektor pertanian, perlombongan dan perkilangan akan dihasilkan.

Kemajuan Teknologi

Kemajuan teknologi memberikan beberapa kesan yang positif ke atas pertumbuhan ekonomi. Pertama, perkembangan ekonomi akan menjadi lebih cepat. Kedua, kemajuan teknologi akan meninggikan kecekapan pengeluaran sesuatu barang, iaitu dengan menurunkan kos pengeluaran dan meninggikan jumlah pengeluaran. Ketiga, kemajuan teknologi boleh menghasilkan penemuan barang-barang baru yang belum pernah dikeluarkan sebelum ini. Di samping itu, kemajuan teknologi juga mampu meninggikan mutu barang yang dihasilkan.

Sumber bagi pembangunan teknologi bergantung kepada dua faktor utama. Pertama, berkembangnya masyarakat yang mengamalkan sains dan teknologi. Ia bergantung kepada dasar kerajaan yang memberi penekanan ke arah pembangunan teknologi. Kedua, kerajaan perlu memastikan jumlah modal dalam ekonomi adalah besar supaya ia boleh disalurkan kepada pembangunan sains dan teknologi.

Sistem Sosial dan Sikap Masyarakat

Sistem sosial dan sikap masyarakat memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi. Adat-istiadat tradisional boleh menghalang masyarakat untuk menggunakan cara pengeluaran moden dan berproduktiviti tinggi. Sebahagian besar masyarakat memiliki tanah berkeluasan kecil dan tidak ekonomik.

Sikap masyarakat yang boleh memberikan dorongan atau rangsangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi antara lain adalah sikap berjimat-cermat dalam perbelanjaan dan mengumpulkan tabungan bagi membantu meningkatkan pelaburan.

Perluasan Pasaran

Keluasan pasaran yang kecil akan mengehadkan atau mengurangkan kadar pertumbuhan ekonomi. Kebanyakan negara membangun menghadapi masalah untuk meluaskan pasaran dalam negeri dan memasarkan keluarannya di luar negeri. Masalah perluasan pasaran di dalam negeri atau di luar negeri dianggap sebagai salah satu faktor yang mengurangkan pengembangan ekonomi di negaranegara membangun.

MASALAH DAN HALANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI DI NEGARA MEMBANGUN

Perbandingan pendapatan per kapita antara beberapa negara menunjukkan terdapat perbezaan yang besar dalam taraf kebajikan penduduk negara-negara maju dengan negara membangun. Beberapa negara yang dahulunya tergolong sebagai negara miskin sekarang telah menjadi negara semi-industri. Malaysia, Taiwan, Korea Selatan, dan Thailand dapat digolongkan kepada negara yang seumpama itu. Negara seperti India, Pakistan, dan Bangladesh masih memerlukan masa yang lama untuk mencapai taraf negara yang berpendapatan menengah. Kegiatan pertanian yang berbentuk tradisional, kekurangan modal dan buruh mahir, dan pertumbuhan penduduk yang pesat merupakan beberapa faktor yang dikatakan sebagai penghalang utama kepada kebanyakan negara untuk membangun dengan lebih cepat.

Pertanian Tradisional

Kekurangan modal, pengetahuan, infrastruktur pertanian, dan penggunaan teknologi moden dalam kegiatan pertanian menyebabkan pendapatan produktiviti dalam sektor ini sangat rendah dan menyebabkan pendapatan petani tidak banyak bezanya dengan pendapatan pada tahap sara diri.

Di kebanyakan negara membangun hampir separuh daripada penduduknya terlibat dalam sektor pertanian. Masalah pengangguran tak ketara banyak terdapat di sektor ini. Cara penanaman masih berbentuk tradisional, penggunaan input-input pertanian tradisional masih meluas, kekurangan infrastruktur pertanian, dan penggunaan alat pertanian yang ketinggalan zaman menyebabkan produktiviti sektor tersebut masih rendah.

Kekurangan Modal Dan Tenaga Mahir

Kekurangan modal ialah masalah utama di setiap negara yang hendak membangun dan kekurangan ini bukan sahaja mengurangkan kepesatan pembangunan ekonomi yang dapat dilaksanakan, tetapi juga menyebabkan kesukaran kepada negara tersebut untuk keluar daripada masalah kemiskinan.

Pendapatan masyarakat yang sangat rendah dan sistem perbankan yang belum berkembang dan maju tidak memungkinkan sesebuah negara membangun mengatasi masalah kekurangan modal.

Pembangunan memerlukan golongan buruh mahir seperti jurutera, akauntan, dan tenaga pengurusan untuk melaksanakan projek pembangunan. Di samping itu, buruh separuh mahir yang akan menjadi penyelia dan pelaksana dalam pelbagai sektor industri juga diperlukan. Tenaga buruh seperti ini memerlukan pendidikan dan latihan. Perkembangan dan kemajuan sistem pendidikan merupakan salah satu langkah yang perlu dilaksanakan untuk pembangunan.

Masalah Perledakan Penduduk

Negara yang mempunyai jumlah penduduk yang besar seperti China dan India menghadapi masalah pembangunan yang serius berbanding dengan negara membangun yang jumlah penduduknya kecil seperti Malaysia, Papua New Guinea, Brunei, Kuwait, dan Arab Saudi.

Kadar pertumbuhan penduduk yang besar merupakan faktor penghalang kepada pembangunan ekonomi. Lebih kurang tiga perempat daripada penduduk dunia adalah di negara-negara membangun. Ini bererti negara-negara membangun pada keseluruhannya menghadapi masalah yang sangat besar dalam pembangunan. Dari satu segi negara-negara membangun memiliki sumber-sumber dan kemampuan yang terbatas dalam melakukan pembangunan ekonomi, tetapi dari segi lain, mereka perlu mencipta peluang-peluang pekerjaan dan berusaha menaikkan kebajikan untuk sebahagian besar penduduk yang semakin bertambah.

SOALAN CONTOH

944/1

STPM

EKONOMI

KERTAS 1 MIKROEKONOMI

(Tiga jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

Jawab **semua** soalan da/am Bahagian A, **lima** soalan daripada Bahagian B, **dua** soalan daripada Bahagian C, dan **dua** soalan daripada Bahagian D.

Ada **tiga puluh** soalan da/am Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti o/eh empat pilihan jawapan: anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat dan menandakannya pada Kertas Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Kertas Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Anda dinasihati supaya menjawab Bahagian Ada/am masa satu jam yang pertama.

Gunakan lembaran kertas yang berasingan bagi tiap-tiap bahagian B, C, dan D.

Tunjukkan semua penghitungan dan berikan jawapan anda betul sehingga dua tempat perpuluhan.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan da/am tanda kurung [].

NOTA

Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf.
Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan.


Kertas soalan ini terdiri daripada **halaman bercetak dan halaman kosong.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia

Bahagian A

Jawab semua soalan.

- Oleh sebab sumber dalam sebuah ekonomi adalah terhad, maka
 - untuk menentukan apa yang hendak dikeluarkan, beberapa pilihan perlu dibuat
 - tiada barangan ekonomi yang diperolehi secara percuma
 - agihan pendapatan cenderung menjadi tidak seimbang
 - harga barangan cenderung menjadi semakin mahal
- Dalam gambar rajah di bawah, AP ialah keluk keluaran purata bagi sebuah firma.



Keluaran sut lebih kecil daripada keluaran purata pada titik

- A P B Q C R D S
- Jika keanjalan permintaan silang bagi barang X dan Y adalah negatif, ini menunjukkan bahawa barang X dan Y ialah barang
 - pengganti
 - penggenap
 - perlu
 - Giffen
 - Andaikan fungsi permintaan individu ialah $Q = 10 - P$, dengan Q sebagai kuantiti yang diminta dan P sebagai harga. Keanjalan permintaan harga apabila harga turun daripada RM5.00 kepada RM4.00 ialah
 - infiniti
 - antara infiniti dengan satu
 - satu
 - antara satu dengan sifar

- 5 Keluk permintaan seorang pengguna bagi sesuatu barang biasanya mencebur ke bawah dari kiri ke kanan kerana
- A pendapatan benar biasanya tidak bertambah apabila harga turun; oleh yang demikian permintaan tidak bertambah
 - B jumlah utiliti selalunya berkurang apabila penggunaan sesuatu barang bertambah
 - C utiliti sut biasanya berkurang apabila penggunaan sesuatu barang bertambah
 - D harga biasanya meningkat apabila penggunaan sesuatu barang bertambah
- 6 Peralihan keluk permintaan barang X ke kanan disebabkan oleh
- A perubahan cita rasa pengguna yang tidak lagi menyukai barang X
 - B kejatuhan pendapatan pengguna jika barang X merupakan barang biasa
 - C kejatuhan harga barang Y jika barang X dan barang Y merupakan barang pengganti
 - D kejatuhan harga barang Y jika barang X dan barang Y merupakan barang pelengkap
- 7 Diberikan satu teknik pengeluaran yang tertentu, satu faktor tetap dan satu faktor berubah yang homogen, hukum pulangan berkurangan menyatakan
- A apabila faktor-faktor tetap dan berubah digabungkan dalam nisbah yang berlainan, keluaran fizikal sut akhirnya akan berkurang
 - B apabila faktor-faktor tetap dan berubah digabungkan, jumlah keluaran pada mulanya akan meningkat tetapi akhirnya akan berkurang
 - C apabila faktor berubah ditambah unit demi unit kepada faktor-faktor tetap, keluaran fizikal sut akhirnya akan berkurang
 - D apabila faktor berubah digabungkan dengan faktor tetap, pulangan kepada faktor tetap akhirnya akan berkurang
- 8 Jadual di bawah menunjukkan harga, kuantiti permintaan, dan kuantiti penawaran bagi suatu barang.

Harga (RM)	Permintaan (unit)	Penawaran (unit)
6.00	0	120
5.00	20	100
4.00	40	80
3.00	60	60
2.00	80	40
1.00	100	20
0.00	120	0

Apakah yang akan berlaku jika kerajaan menetapkan RM5.00 sebagai harga minimum?

- A Harga akan kembali kepada harga keseimbangan asal.
- B Harga akan sentiasa turun naik antara RM3.00 dengan RM5.00.
- C Perbelanjaan pengguna atas barang tersebut ialah RM 180.00.
- D Perbelanjaan kerajaan atas barang tersebut ialah RM400.00.

9 Buruh kadang-kadang enggan bekerja lebih masa walaupun pada kadar upah yang lebih tinggi. Mereka memilih masa senggang daripada bekerja. Ini merupakan pengecualian daripada hukum

- A penawaran
- B permintaan
- C pulangan berkurangan
- D utiliti sut berkurangan

10 Jadual di bawah menunjukkan jumlah utiliti bagi komoditi *P*, *Q*, *R*, *S*, dan *T*.

Kuantiti komoditi (unit)	Jumlah utiliti				
	<i>P</i>	<i>Q</i>	<i>R</i>	<i>S</i>	<i>T</i>
1	4	5	6	7	8
2	8	10	9	13	10
3	12	20	11	18	14
4	16	30	14	22	20
5	20	35	16	25	28

Utiliti sut berkurangan berlaku bagi komoditi

- A *S* B *Q* C *R* D *P*

11 Pada peringkat awal pengeluaran, kos purata jangka panjang berkurang apabila pengeluaran meningkat. Ini disebabkan

- A pulangan berkurang ikut bidangan
- B hukum pulangan berkurangan
- C disekonomi ikut bidangan
- D ekonomi ikut bidangan

12 Yang manakah yang akan mengurangkan penawaran barang *X*?

- A Kemajuan teknologi
- B Kejatuhan harga barang-barang lain
- C Pertambahan pendapatan pengguna
- D Perubahan cita rasa terhadap barang *X*


13 Sekiranya $\frac{MU_x}{P_x} > \frac{MU_y}{P_y} > \frac{MU_z}{P_z}$

dengan MU_x = utiliti sut barang X,
 MU_y = utiliti sut barang Y,
 MU_z = utiliti sut barang Z,
 P_x = harga barang X,
 P_y = harga barang Y,
dan P_z = harga barang Z.

Apakah yang harus dilakukan oleh pengguna untuk mencapai keseimbangan?

- A Menambahkan penggunaan barang X dan barang Z serta mengurangkan penggunaan barang Y.
 - B Menambahkan penggunaan barang Y dan barang Z serta mengurangkan penggunaan barang X.
 - C Mengurangkan penggunaan barang X dan barang Y serta menambahkan penggunaan barang Z.
 - D Mengurangkan penggunaan barang X dan barang Z serta menambahkan penggunaan barang Y.
- 14 Yang manakah antara yang berikut yang **tidak** menyebabkan peralihan keluk penawaran?
- A Perubahan harga barang tersebut
 - B Perubahan cukai tak langsung
 - C Perubahan harga input
 - D Perubahan teknologi
- 15 Yang manakah yang benar apabila pengeluaran berada pada tingkat kos purata minimum?
- A Keuntungan sepatutnya mencapai tahap maksimum
 - B Kos berubah purata bersamaan dengan kos tetap.
 - C Kos sut bersamaan dengan kos berubah purata.
 - D Kos sut bersamaan dengan kos purata.

16 Gambar rajah di bawah menunjukkan *MC*, *ATC*, dan *AVC* masing-masing ialah keluk kos sut, keluk jumlah kos purata, dan keluk kos berubah purata bagi sebuah firma.



Pada tingkat output 20 unit, kos tetap ialah

- A RM80.00 B RM100.00 C RM120.00 D RM180.00

17 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara output dengan kos purata sebuah firma.

Output (unit)	Kos purata (RM)
1	10.00
2	9.90
3	9.80
4	9.90
5	10.00

Kos sut bagi firma ini lebih tinggi daripada kos purata selepas tingkat output

- A 1 unit
B 2 unit
C 3 unit
D 4 unit

- 18 Yang manakah antara langkah berikut yang sesuai dilaksanakan untuk mengatasi masalah ketakstabilan harga barangan utama?
- A Mengurangkan inflasi
 - B Mempelbagaikan ekonomi
 - C Mengadakan stok penimbal
 - D Mengurangkan kos pengeluaran
- 19 Yang manakah yang **tidak** benar tentang sebuah firma yang memaksimumkan keuntungan dalam pasaran persaingan sempurna?
- A Kos sut bersamaan dengan harga.
 - B Kos sut bersamaan dengan hasil sut.
 - C Kos sut bersamaan dengan hasil purata.
 - D Kos sut lebih tinggi daripada kos purata.
- 20 Pada titik keseimbangan jangka pendek, sebuah firma monopoli menghadapi keadaan
- A harga bersamaan dengan kos sut
 - B hasil purata bersamaan dengan kos sut
 - C harga lebih tinggi daripada hasil purata
 - D jumlah kos purata bersamaan dengan kos sut
- 21 Dalam jangka panjang, firma dalam pasaran persaingan sempurna mencapai keseimbangan jika
- A kos sut minimum
 - B kos purata minimum
 - C kos purata maksimum
 - D kos berubah minimum
- 22 Jika firma persaingan sempurna mengeluarkan output kurang daripada output yang memaksimumkan untung, maka
- A harga lebih tinggi daripada hasil sut
 - B hasil sut lebih tinggi daripada kos sut
 - C harga lebih tinggi daripada kos purata
 - D kos tetap lebih tinggi daripada kos berubah
- 23 Andaikan fungsi permintaan bagi suatu barang ialah $Q_d = 40 - 2p$ dan fungsi penawaran ialah $Q_s = 4p - 20$, dengan Q_d , Q_s , dan p masing-masing sebagai kuantiti diminta, kuantiti ditawarkan, dan harga. Jika barang tersebut ialah barang percuma, berapakah kuantiti yang diminta?
- A 10
 - B 20
 - C 30
 - D 40

24 Yang manakah yang **tidak** benar tentang monopoli?

- A Pemonopoli merupakan penentu harga bagi keluarannya.
- B Monopoli mengakibatkan ketidakcekapan dalam peruntukan sumber.
- C Dengan mengamalkan diskriminasi harga, pemonopoli dapat memaksimumkan kos sut.
- D Pemonopoli cenderung untuk menghadkan output dalam usaha memperoleh untung yang besar.

25 Jadual di bawah menunjukkan kuantiti yang diminta oleh pengguna *A* dan *B* serta kuantiti yang ditawarkan oleh penjual *P* dan *Q* bagi barang *X*.

Kuantiti diminta (unit)			Kuantiti ditawarkan (unit)		
Harga (RM)	<i>A</i>	<i>B</i>	Harga (RM)	<i>P</i>	<i>Q</i>
1.00	17	15	8.00	15	15
2.00	12	12	7.00	13	11
3.00	8	9	6.00	11	8
4.00	5	6	5.00	9	6
5.00	3	3	4.00	7	4
6.00	2	0	3.00	5	2
7.00	1	0	2.00	3	0

Kuantiti keseimbangan bagi barang *X* ialah

- A 6 unit
- B 7 unit
- C 11 unit
- D 15 unit

26 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara keluaran fizikal sut (MPP) dengan bilangan buruh.

Bilangan buruh (unit)	1	2	3	4	5	6	7	8
MPP buruh (unit)	11	9	8	7	6	4	1	½


Buruh diperoleh daripada pasaran persaingan sempurna dengan harga RM4.00 per unit, manakala output dijual dalam pasaran persaingan sempurna dengan harga RM3.00 per unit. Berapakah nilai keluaran sut buruh jika 6 unit buruh digunakan?

- A RM6.00
- B RM8.00
- C RM12.00
- D RM16.00

27 Jika buruh menerima kenaikan upah wang sebanyak 14% tetapi pada masa yang sama tingkat harga umum jatuh sebanyak 4%, maka upah benar telah

- A naik sebanyak 18%
- B turun sebanyak 14%
- C naik sebanyak 14%
- D turun sebanyak 18%

28 Dalam gambar rajah di bawah, *AC* ialah keluk kos purata, *AR* ialah keluk hasil purata, dan *MR* ialah keluk hasil sut bagi sebuah firma.



Untung firma pada tingkat keseimbangan ialah

- A *OPSU*
- B *OQRU*
- C *PQRS*
- D *USTV*

29 Apakah sistem cukai yang paling berkesan dalam mengubah corak agihan kekayaan di dalam negeri?

- A Cukai regresif
- B Cukai progresif
- C Cukai tak langsung
- D Cukai berkadar sama


30 Yang manakah antara yang berikut **bukan** alasan bagi perlunya campur tangan kerajaan?

- A Menjamin guna tenaga penuh, kestabilan tingkat harga umum, dan pertumbuhan.
- B Campur tangan kerajaan sentiasa mendorong penggunaan sumber yang cekap.
- C Mekanisme pasaran mewujudkan monopoli dalam jangka panjang.
- D Wujudnya ketaksamaan agihan pendapatan.

Bahagian B

Jawab **lima** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 50 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 1 Huraikan dengan ringkas tiga sumber ekonomi yang terdapat dalam sesebuah negara. [6]
- 2 Dalam gambar rajah di bawah, keluk AB menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sesebuah negara yang mengeluarkan barang pengguna dan barang modal.




- (a) Apakah yang ditunjukkan oleh titik E ? [2]
 - (b) Apakah faktor yang boleh mengalihkan keluk kemungkinan pengeluaran daripada AB kepada FG ? [2]
 - (c) Mengapakah keluk kemungkinan pengeluaran berbentuk cembung dari origin? [2]
- 3 Terangkan mengapa keluk permintaan suatu barang bercerun negatif. [6]
 - 4 Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan konsep *lebih pengguna*. [6]
 - 5 Terangkan ciri pasaran persaingan bermonopoli. [6]
 - 6 Apakah kesan penurunan harga kopi terhadap
 - (a) kuantiti teh yang diminta
 - (b) kuantiti gula yang diminta
 - (c) harga dan kuantiti beras

[6]

7 Dengan menggunakan contoh, bezakan antara upah wang dengan upah benar. [6]

8 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna. [6]



Jika harga berubah daripada P_0 kepada P_1 , jelaskan apakah tindakan yang perlu diambil oleh firma ini. [6]

Bahagian C


Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 9** (a) Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan bagaimana firma persaingan sempurna mendapat untung lebih normal dalam jangka pendek. [4]
(b) Mengapakah firma persaingan sempurna mendapat untung normal sahaja dalam jangka panjang? [6]
- 10** (a) “Eksternaliti boleh bersifat positif dan negatif.” Terangkan. [4]
(b) Bincangkan langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani masalah eksternaliti negatif. [6]
- 11** Apakah kesan ekonomi sekiranya para pengusaha yang mengendalikan 500 buah teksi berpakat untuk mewujudkan satu konsortium teksi yang merupakan sebuah monopoli? [10]
- 12** (a) Huraikan bagaimana Kesatuan Sekerja boleh menuntut kenaikan upah sekiranya didapati upah benar mereka sudah menurun. [6]
(b) Apakah faktor yang memungkinkan kejayaan usaha mereka itu? [4]

Bahagian D

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

13 Gambar rajah di bawah menunjukkan titik di atas satu keluk permintaan.



(a) Hitung nilai keanjalan permintaan harga bagi setiap titik yang ditandakan di atas keluk permintaan. [5]

(b) Apakah yang dapat anda rumuskan tentang hubungan antara nilai keanjalan permintaan dengan harga? [1]

(c) Hitung keanjalan permintaan harga apabila harga turun daripada RM40.00 kepada RM30.00. [2]

(d) Apakah yang terjadi kepada jumlah hasil apabila harga turun daripada RM30.00 kepada RM20.00 dibandingkan dengan soalan (c)? [2]


14 Seng Elektrik mengeluarkan mentol berkuasa rendah untuk kegunaan industri. Apabila syarikat ini meningkatkan keluaran secara profesional, jumlah kos pengeluaran syarikat ini berubah seperti berikut:

Keluaran mentol (ribu)	Jumlah kos (RM ribu)
10	8
20	14
30	18
40	20
50	25
60	30
70	42
80	56
90	72
100	90

- (a) Berikan julat keluaran yang menunjukkan pulangan bertambah naik. [2]
- (b) Berikan julat keluaran yang menunjukkan pulangan bertambah kurang. [2]
- (c) Berikan julat keluaran yang menunjukkan pulangan malar. [2]
- (d) Jika harga mentol di pasaran ialah RM1.40 per unit, hitung kuantiti keluaran mentol yang memaksimumkan untung Syarikat Seng. [2]
- (e) Berapakah untung yang diperoleh oleh Syarikat Seng? [2]

15 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan dan kos sebuah firma monopoli.

Harga per unit (RM)



- (a) Berapakah output monopoli yang memaksimumkan untung? [1]
- (b) Berapakah harga jualan pada tingkat keseimbangan? [1]
- (c) Berapakah jumlah hasil yang diperoleh monopoli ini? [1]
- (d) Berapakah jumlah kos monopoli ini? [1]
- (e) Hitung untung yang diperoleh monopoli ini. [1]
- (f) Sekiranya kerajaan menetapkan harga pasaran ialah RM7.50, hitung
- (i) output monopoli ini, [1]
 - (ii) jumlah hasil monopoli ini, [1]
 - (iii) jumlah kos monopoli ini, [1]
 - (iv) jumlah untung monopoli ini. [2]

16 Andaikan firma *A* dan firma *B* menyewa mesin untuk mengeluarkan suatu output. Jadual di bawah menunjukkan bilangan mesin yang boleh disewa dan hasil keluaran sut untuk kedua-dua firma.

Kuantiti mesin	Hasil keluaran sut	
	Firma <i>A</i>	Firma <i>B</i>
10	10	10
20	9	8
30	8	6
40	7	4
50	6	2
60	5	0
70	4	0

- (a) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk hasil keluaran sut untuk firma *A* dan firma *B*. [3]
 (b) Sekiranya sewa mesin ialah RM8.00, berapa unit mesin yang disewa oleh firma *A* dan firma *B*? [3]
 (c) Andaikan produktiviti firma *B* meningkat menyebabkan hasil keluaran sut meningkat seperti berikut:

Kuantiti mesin	10	20	30	40	50	60	70
Hasil keluaran sut	12	10	8	6	4	2	0

- (i) Di atas kertas graf yang sama, lukiskan keluk hasil keluaran sut firma *B* yang baru. [1]
 (ii) Berapakah kuantiti mesin yang akan disewa oleh firma *B*? [1]
 (d) Sekiranya selepas apa yang berlaku ke atas firma *B*, sewa mesin meningkat kepada RM10.00, berapakah kuantiti mesin yang akan disewa oleh firma *A* dan firma *B*? [2]

SOALAN CONTOH

944/2

STPM

EKONOMI

KERTAS 2 MAKROEKONOMI

(Tiga jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

Jawab **semua** soalan da/am Bahagian A, **lima** soalan daripada Bahagian B, **dua** soalan daripada Bahagian C, dan **dua** soalan daripada Bahagian D.

Ada **tiga puluh** soalan da/am Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti o/eh empat pilihan jawapan: anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat dan menandakannya pada Kertas Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Kertas Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Anda dinasihati supaya menjawab Bahagian Ada/am masa satu jam yang pertama.

Gunakan lembaran kertas yang berasingan bagi tiap-tiap bahagian B, C, dan D.

Tunjukkan semua penghitungan dan berikan jawapan anda betul sehingga dua tempat perpuluhan.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan da/am tanda kurung [].

NOTA

Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf.
Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan.

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

Bahagian A

Jawab semua soalan.

- 1 Antara persamaan yang berikut, yang manakah yang **tidak** benar?
- A Keluaran Negara Kasar pada kos faktor – bayaran pindahan = Keluaran Negara Bersih pada kos faktor
 - B Keluaran Negara Kasar pada harga pasaran – pendapatan faktor bersih daripada luar negeri = Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasaran
 - C Keluaran Negara Kasar pada harga pasaran – cukai tak langsung + subsidi = Keluaran Negara Kasar pada kos faktor
 - D Keluaran Dalam Negara Kasar pada kos faktor – susut nilai = Keluaran Dalam Negara Bersih pada kos faktor
- 2 Andaikan dalam sebuah ekonomi terdapat tiga firma, iaitu Firma X; Firma Y, dan Firma Z. Firma X mengimport bahan mentah yang bernilai RM10 000.00 untuk diproses menjadi barang separuh siap. Firma X menjual keluarannya kepada Firma Y dengan harga RM8000.00 dan kepada Firma Z dengan harga RM7000.00. Kedua-dua Firma Y dan Firma Z membuat barang siap yang dijual di pasaran tempatan masing-masing dengan harga RM10 000.00 dan RM9000.00. Kedua-dua firma ini juga mengeksport keluaran mereka ke luar negeri masing-masing dengan harga RM5000.00 dan RM4000.00. Berapakah jumlah keluaran negara bagi ekonomi ini?
- A RM15 000.00 B RM18 000.00 C RM19 000.00 D RM28 000.00
- 3 Jadual di bawah ialah data bagi sebuah ekonomi pada suatu tahun tertentu.

Butiran	(RM juta)
Susut nilai	40 000
Pendapatan bersih dari luar negeri	15 000
Subsidi	10 000
Cukai tak langsung	25 000
Keluaran negara kasar pada harga pasar	80 000

Keluaran negara bersih pada kos faktor bagi ekonomi berkenaan ialah

- A RM10 000 juta
- B RM25 000 juta
- C RM40 000 juta
- D RM50 000 juta


- 4 Apabila permintaan agregat melebihi penawaran agregat dalam ekonomi dua sektor, maka
- A tabungan melebihi pelaburan dirancang
 - B pelaburan dirancang melebihi tabungan
 - C penggunaan bersamaan dengan tabungan
 - D tabungan bersamaan dengan pelaburan dirancang
- 5 Jadual di bawah menunjukkan data tentang ekonomi sebuah negara.

Butiran	(RM juta)
Keluaran Negara Kasar pada harga faktor	1185
Cukai pendapatan syarikat	190
Cukai pendapatan persendirian	150
Susut nilai	122
Untung tak dibahagi	63
Bayaran pindahan kepada individu	152
Eksport bersih	49
Pendapatan bersih dari luar negeri	-25

Jumlah pendapatan boleh guna ialah

- A RM787 juta B RM810 juta C RM812 juta D RM960 juta
- 6 Dalam suatu ekonomi, fungsi penggunaan ialah $C = 0.75 Y_d$, dengan Y_d sebagai pendapatan boleh guna. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah yang benar?
- A Kecenderungan mengguna sut sama dengan kecenderungan menabung sut.
 - B Kecenderungan mengguna sut sama dengan kecenderungan menabung purata.
 - C Kecenderungan mengguna sut sama dengan kecenderungan menabung purata.
 - D Kecenderungan mengguna sut sama dengan kecenderungan menabung purata.
- 7 Jika fungsi penggunaan berubah daripada $C = 100 + 0.7Y$ menjadi $C = 100 + 0.5Y$, perubahan tersebut menunjukkan
- A kecenderungan mengguna sut bertambah
 - B kecenderungan mengguna sut berkurang
 - C kecenderungan mengguna purata bertambah
 - D kecenderungan mengguna purata berkurang


8 Dalam gambar rajah di bawah, C ialah fungsi penggunaan sebuah ekonomi.



Kecenderungan mengguna sut ialah

- A QR/PR
- B RS/EF
- C EF/RS
- D PS/QS

9 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran dan keluk permintaan bagi suatu barang. Apabila kerajaan mengenakan cukai, keluk penawaran beralih daripada S_1 ke S_2 .



Kawasan yang berlorek menunjukkan

- A lebih pengguna selepas cukai
- B jumlah cukai yang dibayar oleh pengguna
- C jumlah cukai yang dibayar oleh pengeluar
- D jumlah cukai yang dibayar oleh pengguna dan pengeluar

10 Dalam suatu ekonomi dua sektor,

$$C = 35 + 0.7Y \text{ dan}$$

$$I = 40,$$

dengan C , Y , dan I masing-masing sebagai penggunaan, pendapatan, dan pelaburan. Berapakah tingkat keseimbangan pendapatan?

- A 40
- B 75
- C 200
- D 210

11 Yang manakah antara pernyataan berikut **tidak** benar tentang perubahan struktur ekonomi Malaysia?

- A Sumbangan relatif sektor utama kepada *KDNK* menurun dan diikuti oleh peningkatan sumbangan relatif sektor kedua dan ketiga kepada *KDNK*.
- B Sumbangan relatif sektor kedua kepada *KDNK* menurun dan diikuti oleh peningkatan sumbangan relatif sektor ketiga kepada *KDNK*.
- C Sumbangan relatif .guna tenaga sektor pertanian menurun diikuti oleh peningkatan sumbangan relatif guna tenaga sektor perkilangan.
- D Sumbangan sektor pertanian kepada *KDNK* menurun secara berterusan.

12 Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan negara dan penggunaan bagi sebuah ekonomi tanpa penglibatan kerajaan.

Pendapatan negara (RM juta)	Penggunaan (RM juta)
320	320
330	327
340	334
350	341
360	348
370	355
380	362


Jika pelaburan ialah RM12 juta, pendapatan negara pada keseimbangan ialah

- A RM340 juta
- B RM350 juta
- C RM360 juta
- D RM370 juta

13 Antara yang berikut, yang manakah merupakan pengganda dalam ekonomi dua sektor jika ΔC , ΔS , dan ΔY masing-masing ialah perubahan penggunaan, perubahan tabungan, dan perubahan pendapatan negara?

- A $\frac{1}{1 - \Delta C}$
- B $\frac{1}{1 - \Delta S}$
- C $\frac{1 - \Delta C}{1 - \Delta S}$
- D $\frac{\Delta Y}{\Delta Y - \Delta C}$

14 Dalam gambar rajah di bawah, C ialah keluk penggunaan.



Antara fungsi tabungan yang berikut, yang manakah yang berkaitan dengan gambar rajah di atas?

- A $S = 100 + 0.5Y$
- B $S = 100 - 0.5Y$
- C $S = -100 + 0.5Y$
- D $S = -100 - 0.5Y$

15 Dalam sesuatu ekonomi, wang terdiri daripada

- A bil perbendaharaan dan cek
- B bil perbendaharaan dan wang kertas
- C deposit semasa, wang kertas, dan duit syiling
- D bil perbendaharaan, wang kertas, dan duit syiling

944/2

16 Jadual di bawah menunjukkan tingkat pendapatan negara, penggunaan, dan pelaburan bagi sebuah

ekonomi dua sektor.

Pendapatan negara (RM juta)	Penggunaan (RM juta)	Pelaburan (RM juta)
2000	1660	280
1900	1580	280
1800	1500	280
1700	1420	280
1600	1340	280

Apakah yang akan berlaku ke atas pendapatan keseimbangan jika pelaburan meningkat sebanyak RM40 juta?

- A Kekal pada RM1700 juta
- B Meningkatkan sebanyak RM40 juta
- C Meningkatkan sebanyak RM80 juta
- D Meningkatkan sebanyak RM200 juta

17 Yang manakah antara yang berikut **bukan** tanggungjawab bank pusat?

- A Mengurus hutang negara
- B Mendiskaunkan semula bil
- C Mengurus pertukaran wang asing
- D Memberikan pinjaman kepada orang ramai

18 Dalam Teori Kuantiti Wang Fisher, pertambahan penawaran wang akan meningkatkan harga jika

- A halaju edaran wang bertambah
- B halaju edaran wang berkurang
- C keluaran barang dan perkhidmatan bertambah
- D keluaran barang dan perkhidmatan berkurang

19 Antara yang berikut, yang manakah yang **tidak** menyebabkan inflasi tarikan permintaan dalam ekonomi yang mencapai guna tenaga penuh?

- A Pengurangan cukai pendapatan
- B Kenaikan perbelanjaan awam
- C Kenaikan penawaran wang
- D Kenaikan kos pengeluaran

- A mendapatkan keuntungan daripada perubahan harga bon dan jangkaan perubahan kadar bunga
- B membeli barang-barang dan perkhidmatan yang tidak pasti penawarannya
- C mengatasi sebarang ketidakpastian dalam harga barang dan perkhidmatan
- D mengelakkan risiko kejatuhan nilai wang

21 Jika nisbah rizab ialah 10%, berapakah jumlah kredit yang dapat dicipta oleh satu sistem bank daripada satu deposit baru sebanyak RM100 juta?

- A RM900 juta
- B RM500 juta
- C RM450 juta
- D RM100 juta

22 Jika berlaku bocoran dalam proses penciptaan wang oleh bank-bank perdagangan, maka

- A bekalan wang dalam ekonomi semakin meningkat
- B bank perdagangan perlu menambahkan lebih cadangan
- C keupayaan bank perdagangan mencipta wang semakin berkurang
- D keupayaan bank perdagangan mencipta wang semakin meningkat

23 Menurut Keynes, sebarang pertambahan dalam penawaran wang **tidak** akan mempengaruhi kadar bunga jika

- A halaju edaran wang semakin kecil
- B tingkat harga umum adalah malar
- C ekonomi mencapai tingkat guna tenaga penuh
- D keluk pilihan kecairan mempunyai keanjalan infiniti

24 Andaikan terdapat empat jenis barang yang masing-masing mempunyai wajaran 10, 20, 30, dan 40. Pada mulanya harga setiap barang ialah RM1.00. Pada tahun berikutnya, harga barang pertama dan kedua naik sebanyak 50 peratus, manakala harga barang ketiga dan keempat naik sebanyak 10 peratus. Berapakah peratusan kenaikan tingkat harga umum?

- A 10%
- B 22%
- C 30%
- D 120%

25 Andaikan penawaran wang ialah \$1000 dan halaju edaran wang ialah 5. Jika penawaran wang bertambah sebanyak 25 peratus dan halaju edaran wang meningkat sebanyak 20 peratus, maka keluaran negara nominal akan meningkat dari

- A RM4000 ke RM5000
- B RM4000 ke RM6000
- C RM5000 ke RM6000
- D RM5000 ke RM7500

26 Satu unit buruh di negara *A* dan di negara *B* masing-masing boleh mengeluarkan barang *X* dan barang *Y* seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

Negara	Barang <i>X</i> (unit)	Barang <i>Y</i> (unit)
<i>A</i>	100	40
<i>B</i>	80	20

Antara yang berikut, yang manakah yang benar tentang jadual di atas?

- A Negara *A* mempunyai faedah berbanding dalam pengeluaran barang *X*.
- B Negara *B* mempunyai faedah berbanding dalam pengeluaran barang *X*.
- C Negara *B* mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran barang *X*.
- D Negara *B* mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran barang *Y*.

27 Yang berikut ialah kadar pertukaran mata wang Ringgit Malaysia (RM) dengan mata wang dolar Amerika Syarikat (US\$) dan dolar Australia (A\$).

$$\text{RM}3.00 = \text{US}\$1.00$$

$$\text{RM}4.00 = \text{A}\$1.00$$

Kadar pertukaran antara mata wang Amerika Syarikat dengan mata wang Australia ialah

- A US\$1.00 = A\$0.75
- B US\$1.00 = A\$0.80
- C US\$1.00 = A\$1.20
- D US\$1.00 = A\$1.25

28 Jadual di bawah menunjukkan akaun perdagangan antarabangsa bagi sebuah negara.

Butiran	(RM juta)
Import barang	20
Eksport barang	30
Import perkhidmatan	6
Eksport perkhidmatan	10
Aliran masuk modal	4
Aliran keluar modal	18

Yang manakah antara yang berikut menggambarkan kedudukan imbalan pembayaran negara tersebut?

- A Lebih dalam imbalan perdagangan, kurangan dalam imbalan akaun semasa, dan lebih dalam imbalan pembayaran keseluruhan
- B Lebih dalam imbalan perdagangan, lebih dalam imbalan akaun semasa, dan seimbang dalam imbalan pembayaran keseluruhan
- C Lebih dalam imbalan perdagangan, lebih dalam imbalan akaun semasa, dan lebih dalam imbalan pembayaran keseluruhan
- D Kurangan dalam imbalan perdagangan, kurangan dalam imbalan akaun semasa, dan kurangan dalam imbalan pembayaran keseluruhan

29 Jadual di bawah menunjukkan data tentang harga dan kuantiti bagi eksport dan import sebuah negara.

Tahun	Eksport		Import	
	Harga (\$)	Kuantiti (unit)	Harga (\$)	Kuantiti (unit)
1988	100	2500	125	3500
1989	140	2500	150	3500
1990	200	2000	150	3000

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa imbalan perdagangan negara tersebut

- A merosot, kemudian bertambah baik
- B bertambah baik, kemudian merosot
- C sentiasa bertambah baik
- D sentiasa merosot


30 Yang manakah antara yang berikut merupakan penghalang kepada pertumbuhan ekonomi?

- A Ketaksamaan agihan pendapatan yang besar
- B Kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi
- C Kadar tabungan yang tinggi
- D Kadar inflasi yang tinggi

Bahagian B


Jawab **lima** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 50 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 1 Dengan memberikan satu contoh, terangkan maksud *penstabil automatik*. [6]
- 2 Terangkan bagaimana kadar pertukaran asing ditentukan dalam sistem pasaran bebas. [6]
- 3 Terangkan secara ringkas faktor yang menghalang pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. [6]
- 4 Untuk setiap perkara berikut, tentukan dan terangkan sama ada ia diambil kira atau tidak diambil kira dalam menghitung KDNK.
 - (a) MPM membiayai sekumpulan pakar untuk menggubal semula sukatan pelajaran Ekonomi STPM.
 - (b) Encik Surinam membeli satu set alat golf di Tokyo semasa beliau melancong ke Tokyo.
 - (c) Puan Manirus, seorang Pegawai JPJ, menerima gaji bulanan sehingga bulan Jun 2000, kemudian menerima pencen bulanan mulai bulan Julai 2000.[6]
- 5 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran agregat (AS). [6]



Berikan makna dan terangkan mengapa keluk penawaran agregat (AS) berbentuk sedemikian dalam julat $a - b$, $b - c$, dan $c - d$. [6]

- 6 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan wang (M_d) dan keluk penawaran wang (M_s).



Apakah yang akan terjadi kepada kadar bunga jika pendapatan negara meningkat? Terangkan.

[6]

- 7 Jelaskan **tiga** dasar sebuah penawaran.

[6]

- 8 Daripada aspek-aspek apakah sesebuah negara terdedah kepada pengaruh globalisasi?

[6]

Bahagian C

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

- 9 (a) Terangkan hubungan antara nilai wang dengan indeks harga pengguna. [3]
(b) Bincangkan proses penciptaan kredit oleh bank perdagangan. [7]
- 10 (a) Terangkan struktur perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Malaysia. [4]
(b) Jelaskan kesan pertambahan perbelanjaan kerajaan ke atas output, guna tenaga, dan tingkat harga. [6]
- 11 “Semakin tinggi paras *KDNK* sesebuah negara, semakin tinggi kebajikan masyarakat negara berkenaan”. Bincangkan pernyataan ini. [10]
- 12 Dengan bantuan gambar rajah model ekonomi tiga sektor, terangkan bagaimana
(a) pengurangan nisbah rizab berkanun, dan
(b) pelonggaran syarat sewa beli boleh mempengaruhi kegiatan ekonomi. [10]

Bahagian D


Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

13 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara pendapatan (Y) dengan perbelanjaan penggunaan (C).

Pendapatan (Y) (RM juta)	Penggunaan (C) (RM juta)
240	244
260	260
290	284
330	316
380	356

- (a) Apakah kecenderungan mengguna sut dan kecenderungan mengguna purata? [2]
- (b) Berapakah nilai kecenderungan mengguna purata pada tingkat pendapatan RM320 juta? [2]
- (c) Nyatakan fungsi penggunaan. [2]
- (d) Jika pelaburan swasta ialah RM50 juta, berapakah tingkat keseimbangan output? [2]
- (e) Apakah pengganda? Berapakah nilai pengganda dalam jadual di atas? [2]

14 (a) Gambar rajah di bawah menunjukkan permintaan wang untuk tujuan arus niaga dan spekulasi.



- (i) Apakah maksud *permintaan wang untuk urus niaga*? [1]
- (ii) Berapakah kuantiti wang urus niaga sekiranya pendapatan negara (Y) ialah RM100 juta dan RM200 juta? [2]
- (iii) Apabila pendapatan negara (Y) ialah RM200 juta, bekalan wang ialah RM70 juta. Berapakah kadar bunga yang mengimbangkan pasaran wang? [2]


(b) Jadual di bawah menunjukkan proses penciptaan kredit.

Pusingan	Rizab	Deposit	Pinjaman
1	1000	10000	9000
2			
3			
.			
.			
.			
Jumlah			

- (i) Apakah nisbah rizab? [1]
- (ii) Berapakah nisbah rizab? [1]
- (iii) Lengkapkan maklumat di pusingan 2, 3, dan barisan jumlah. [3]

15 Gambar rajah berikut menunjukkan prestasi Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing, iaitu sterling United Kingdom (STG), dolar Amerika Syarikat(AS\$), Euro, dan Yen.

Prestasi Ringgit Malaysia Berbanding Mata Wang Asing



- (a) Mengapakah garisan AS\$ lurus mulai September 1998, manakala tiga garisan lain turun naik? [2]
- (b) Berapakah nilai RM1.00 dalam dolar AS\$ pada bulan Mac 1999? [1]
- (c) Jika satu STG ialah RM5.80 pada Ogos 2000, berapakah harga STG dalam sebutan AS\$? [2]
- (d) Mata wang manakah yang menunjukkan naik nilai mulai September 1998? Apakah buktinya? [2]
- (e) Andaikan anda ada RM1000.
- (i) Hitung kuantiti STG yang anda dapat pada
 - bulan September 1998
 - bulan Ogos 2000
 - (ii) Hitung perubahan nilai ringgit berbanding STG antara dua tarikh tersebut. [3]

16 Jadual di bawah menunjukkan maklumat tentang *Keluaran Dalam Negara Kasar* pada harga tetap (1987 = 100) Malaysia dan tahun 1996-1999.

**Malaysia: Keluaran Dalam Negeri Kasar pada Harga Tetap (1987 = 100)
(RM juta)**

Butiran	1996	1997	1998	1999
Perbelanjaan penggunaan swasta	87 609	91 385	81 521	84 068
Perbelanjaan penggunaan awam	20 833	22 385	20 554	23 905
Pelaburan kasar swasta	65 251	71 404	32 149	26 173
Pelaburan kasar awam	23 373	25 340	23 028	25 724
Perubahan stok (inventori)	(-) 1 900	(-) 276	(-) 233	218
Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor	176 792	186 499	187 415	212 484
Import barangan dan perkhidmatan	188 666	199 655	162 212	179 778
Keluaran Dalam Negara Kasar (<i>KDNK</i>)	183 292	196 714	182 221	192 794
Bayaran pendapatan faktor bersih ke luar negeri	(-) 13 188	(-) 14 416	(-) 9 451	(-) 13 629
Pendeflator <i>KDNK</i>	138.43	143.25	156.11	167.07
Penduduk ('000)	21 169	21 666	22 180	22 712

(Sumber: Bank Negara Malaysia, *Buletin Perangkaan Bulanan*, Julai 2000)

- (a) Apakah pengertian *pada Harga Tetap*? [1]
- (b) Apakah buktinya negara ini telah mengalami kemelesetan ekonomi? [1]
- (c) Sektor yang manakah tidak terpengaruh oleh kemelesetan ekonomi? Apakah buktinya? [1]
- (d) Hitung kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 1997, 1998, dan 1999. [2]
- (e) (i) Hitung eksport bersih Malaysia dari tahun 1996 hingga tahun 1999.
(ii) Apakah kesan eksport bersih ke atas ekonomi Malaysia dan nilai Ringgit Malaysia? [3]
- (f) Jika pendeflator *KDNK* digunakan sebagai pengeluar inflasi, berapakah kadar inflasi pada tahun 1999?